



Kalam HIKMAH



2021



Kalahr HIKMAH



2021

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kalam HIKMAH / KETUA EDITOR Dr. Lokman bin Ab. Rahman ; EDITOR Puan Effah Imtiaz binti Zainol, Puan Nor Syafinaz binti Shamsudin, Cik Norkhairul Huliza binti Che Husain.

Mode of access: Internet

eISBN 978-983-042-673-0

1. Islam and state--Malaysia.
2. Speeches, addresses, etc.
3. Government publications--Malaysia.
4. Electronic books.

I. Lokman Ab. Rahman, Dr. II. Effah Imtiaz Zainol.

III. Nor Syafinaz Shamsudin. IV. Norkhairul Huliza Che Husain.

297.27209595

ISI KANDUNGAN

	M/S
PRAKATA	3
SIDANG REDAKSI	5
BIODATA	6
TAJUK	
I. MAJLIS PENGHARGAAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL PROGRAM KEMBARA AL-AMIN	8
II. MAJLIS PERASMIAAN PENUTUPAN PROGRAM SANTUNI KOMUNITI MASYARAKAT SEJAHTERA	11
III. AMANAT SULUNG KETUA PENGARAH	17
IV. MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAKIM (FEBRUARI)	30
V. PENGUKUHAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN PERKHIDMATAN HAL EHWAL ISLAM	35
VI. MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAKIM (MAC)	38
VII. MAJLIS PENYEMPURNAAN PENDIGITALAN DATA PERKAHWINAN ORANG ISLAM NEGERI PERLIS	46
VIII. UCAPAN PERASMIAAN PROGRAM INFORMASI DIGITAL JAKIM TAHUN 2021	49
IX. MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAKIM (JUN)	53
X. SIMPOSIUM DUNIA DAKWAH DIGITAL INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH	59
XI. MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAKIM (JULAI)	62
XII. MAJLIS PERASMIAAN PENUTUP BENGKEL TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN VERSI RUMI BAHRU TAHUN 2021/1442	68
XIII. FORUM BERDAKWAH DI ERA PANDEMIK COVID-19 PENGALAMAN NEGARA MABIMS	72
XIV. MAJLIS IHTIFAL KAFA PERINGKAT NEGERI SABAH	78

XV.	PERSIDANGAN KETUA PEGAWAI PENGUATKUASA AGAMA DAN PENDAKWA SYARIE SELURUH MALAYSIA KALI KE-21	89
XVI.	PERANAN PSIKOSPIRITUAL DALAM KESIHATAN JIWA	94
XVII.	KARNIVAL SEMARAK JAWI@JAKIM 2021	98

ARTIKEL

MANHAJ RABBANI, UMMAH BERKUALITI (DISIARKAN DI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA, 09 OGOS 2021)	114
BERI KEPERCAYAAN KEPADA AUTORITI -MEREDAKAN KECELARUAN (HARIAN METRO, SELASA, 13/07/2021)	119

PRAKATA

Kalam Hikmah

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya buku “Kalam Hikmah” ini dapat diterbitkan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada Bahagian Penerbitan JAKIM yang telah mengambil inisiatif menghimpunkan koleksi ucapan-ucapan yang saya sampaikan dalam pelbagai program sama ada di peringkat bahagian di JAKIM atau di peringkat agensi dan juga koleksi artikel-artikel tulisan saya.

Sesungguhnya pengalaman selama hampir setahun 11 bulan memimpin sebuah badan penyelarasan hal ehwal Islam utama peringkat persekutuan sebesar JAKIM ini merupakan satu pengalaman manis dan berharga sepanjang hidup saya.

Perkara-perkara yang saya kongsikan dalam ucapan-ucapan saya adalah buah-buah fikiran yang keluar daripada pengalaman-pengalaman saya sewaktu di dalam perkhidmatan. Nasihat-nasihat dan teguran yang saya berikan tidak lain bagi melihat Islam terus diangkat dalam urus tadbir di negara ini.

Penerapan Dasar Manhaj Rabbani yang mula diperkenalkan oleh mantan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan kini diteruskan oleh YB Menteri yang baharu iaitu YB Senator Tuan Haji Idris bin Haji Ahmad dan juga YB Timbalan Menteri, YB Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary telah menjadi kerangka pemikiran kami sekaligus membentuk dasar-urus tadbir Islam di negara ini. Diharapkan dengan perkongsian-perkongsian ini dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang kita berikan secara khususnya JAKIM.

Di samping berkongsi pengalaman, pastinya saya juga banyak belajar daripada pengalaman-pengalaman tersebut termasuk dalam kalangan warga JAKIM sendiri yang banyak berinteraksi bersama saya dalam tugas-tugas sehari-hari. Daripada semua yang saya lalui ini saya dapat rumuskan beberapa perkara penting yang dapat saya jadikan pedoman dan iktibar.

Antaranya pemimpin ialah contoh tauladan (Qudwah Hasanah) kepada mereka yang dipimpin. Oleh itu, pemimpin perlulah dipilih dalam kalangan yang terbaik dari segi ilmu dan juga akhlaknya.

Akhir kalam, semoga ‘buah tangan’ terakhir yang berupa buah fikiran yang saya curahkan dalam ucapan-ucapan saya ini dapat saya dimanfaatkan oleh sesiapa yang membacanya samaada dalam kalangan warga JAKIM atau pihak luar sekalipun. Semoga segala kebaikan yang timbul daripada perkongsian ini di hitung sebagai amal soleh di sisi Allah SWT,

Sekian. Terima kasih.

Datuk Abdul Aziz bin Jusoh
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

KETUA EDITOR

Dr. Lokman bin Ab. Rahman
Pengarah Penerbitan

EDITOR

Puan. Effah Imtiaz binti Zainol
Puan Nor Syafinaz binti Shamsudin
Cik Norkhairul Huliza binti Che Husain

PENYEMAK

Dr. Sa'adi bin Awang
En. Akhrun bin Musa
En. Munir Zihni bin Hassan

Diterbitkan oleh

Penerbitan JAKIM
Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3,
WP Putrajaya

BIODATA

YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh

Abdul Aziz dilahirkan di Negeri Kelantan Darul Naim pada tanggal 8 November 1961. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1985 dan mempunyai Sijil Kaunseling dan Pengurusan Agama dari Muslim College, London pada tahun 2003.

Kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam bermula sebagai Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1986. Antara jawatan penting yang pernah disandang beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (2018-2020), Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) (2017-2018), Pengarah JAKIM Cawangan Sarawak (2013-2017), Atase Agama, Bahagian Agama, Kedutaan Besar Malaysia, Jakarta, Indonesia (2009-2013), Ketua Penolong Pengarah (Agama), Bahagian Agama dan Kaunseling, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman (2008-2009) dan Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan JAKIM (2005-2009) serta Pegawai Agama, Kedutaan Besar Malaysia, Tokyo, Jepun pada tahun 1997.

Sumbangan beliau sangat penting dalam pembangunan ummah sehingga pernah dilantik sebagai salah seorang Ahli Panel bagi memilih Tokoh Maal Hijrah 1435H di Peringkat Negeri Sarawak dan juga Ahli Jawatankuasa Teknikal Pensijilan Halal Majlis Islam Sarawak. Sepanjang beliau berkhidmat dalam perkhidmatan awam ini beliau telah dianugerahi dengan pelbagai pengiktirafan antaranya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (1999, 2005 dan 2013) Jabatan Perdana Menteri, Perkhidmatan Kesatria Mangku Negara (2009) yang dikurniakan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, dan pada 19 Februari 2019 beliau telah menerima Pingat Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W) yang membawa gelaran Datuk.

"Dengan kelayakan dan pengalaman luas beliau dalam pentadbiran hal ehwal Islam di Malaysia, kerajaan yakin beliau mampu menerajui JAKIM sebagai Agensi Hal Islam peringkat Persekutuan" (YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohd Al-Bakri, Mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Astro AWANI, 15 Januari 2021)

Penyataan tersebut dibuat pada 15 Januari 2021 bersempena pelantikan beliau sebagai Ketua Pengarah yang menerajui JAKIM untuk mencapai misi dan visi pentadbiran hal ehwal Islam kepada masyarakat.

MAJLIS PENGHARGAAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL PROGRAM KEMBARA AL-AMIN 2020

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana program terbitan JAKIM iaitu Kembara Al-Amin 2020 dengan kerjasama Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM berjaya dilaksanakan pada 16 November 2020 hingga 31 Disember 2020.
2. Kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian pihak Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM mengadakan kerjasama dengan JAKIM dalam menjayakan program Kembara Al-Amin 2020. Kesungguhan para pensyarah dan para pelajar dalam mencerahkan idea dan tenaga bersama-sama pegawai UKK JAKIM selama 46 hari menyiapkan kandungan-kandungan bagi 10 segmen yang telah dirancang amat membanggakan JAKIM.
3. Sesungguhnya pelaksanaan program Kembara Al-Amin 2020 merupakan inisiatif JAKIM bagi menyahut saranan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) supaya JAKIM dan agensi-agensi di bawah beliau memanfaatkan media sosial secara optimum dalam menyampaikan info mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh setiap agensi. Selain itu, media sosial juga perlu dijadikan sebagai medium untuk mendidik dan membina modal insan masyarakat khususnya dengan menghayati keindahan akhlak Rasulullah SAW setiap waktu agar dapat diterapkan dalam kehidupan sehari-hari.
4. Kami mengharapkan pelaksanaan program Kembara Al-Amin 2020 dapat memberi input berharga dan menjadi inspirasi khususnya kepada para pelajar dalam menghadapi cabaran yang lebih luas ketika berada di alam pekerjaan kelak. Semoga program ini juga dapat membina jati diri para pelajar sekalian dengan mengambil semangat daripada gelaran Rasulullah SAW ‘Al-Amin’ dan keindahan peribadi Baginda SAW. Renungi sebuah hadith sahih daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعْثِتُ لَا تَمَّ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: “Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.” [Riwayat Ahmad (8952)]

5. Sekali lagi, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada YBrs. Encik Roslan bin Lateh, Timbalan Dekan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM yang mewakili semua rakan-rakan di UiTM, tidak ketinggalan kepada Tuan Haji Rozlaili bin Haji Ahmad. Pensyarah dan Perunding Projek yang telah membantu dan menjayakan program ini. Kepada para pelajar saya doakan agar anda sekalian diberikan rahmat dan keberkatan agar terus maju jaya dalam apa jua bidang yang akan diceburi kelak. Walaupun program ini telah berakhir, namun kami amat berharap agar anda teruskan sokongan kepada program-program media sosial rasmi JAKIM setiap masa. Tolong dan bantulah JAKIM untuk terus menyebarkan risalah dakwah kepada segenap lapisan masyarakat dengan sama-sama *share*, *like* dan *follow* media sosial JAKIM. Semoga segala budi baik dan kesungguhan kita semua dibalas dengan ganjaran pahala daripada Allah SWT.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhi Wabarakatuh.





MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PROGRAM SANTUNI KOMUNITI MASYARAKAT SEJAHTERA 2020

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat, keizinan dan hidayah-Nya kita semua telah diberi peluang dan kelapangan masa untuk bersama-sama hadir ke Majlis Perasmian Penutupan Program Santuni Komuniti Masyarakat Sejahtera 2020.

PENGHARGAAN

1. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran YB Dato' kerana dapat meluangkan masa bersama-sama pada hari ini untuk merasmikan penutupan program Santuni Komuniti Masyarakat Sejahtera bagi tahun 2020 anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Masjid Al-Muqarrabin, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur pada pagi yang berbahagia ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga saya rakamkan kepada Urus Setia Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Masjid Al-Muqarrabin yang telah banyak membantu dalam menjayakan program ini dan sudi menjadi tuan rumah program pada hari ini.
3. Tidak lupa juga kepada ketua jabatan, pegawai-pegawai, pemimpin-pemimpin masyarakat, agensi-agensi, Imam-imam, serta tuan-tuan dan puan-puan yang mengambil bahagian dalam program ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua.

4. Tidak lupa juga kepada seluruh komuniti dan penduduk Bandar Tasik Selatan dan sekitarnya, tidak kira tua dan muda, pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pegawai-pegawai Pentadbiran Zon 5, ahli jawatankuasa Masjid Al-Muqarrabin, serta tuan-tuan dan puan-puan yang mengambil bahagian secara langsung dan tidak langsung dalam program ini sejak dari semalam. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah SWT,

SANTUNI KOMUNITI MASYARAKAT SEJAHTERA

5. Komuniti berupaya menjadi ejen perubahan masyarakat sekiranya diberikan panduan dan perhatian yang lebih. Selain itu komuniti yang bertanggungjawab juga dapat membantu kerajaan menangani isu setempat seperti masalah kebijakan dan sosial.

6. Betapa besarnya peranan komuniti dalam membentuk masyarakat khususnya anak-anak muda dalam meneruskan kehidupan dengan lebih sejahtera dan peningkatan kualiti hidup.

7. Justeru, program yang dianjurkan selama dua hari ini adalah bertujuan untuk:

- Meningkatkan ilmu penghayatan Islam dengan menerapkan cara hidup berasaskan Syariah, akhlak Islami serta memantapkan pegangan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- Mengeratkan jaringan komunikasi antara masyarakat setempat, agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk saling berhubung dan berkongsi maklumat demi kesejahteraan bersama melalui pendekatan yang lebih padu dan berkesan; dan
- Menjadikan aktiviti dakwah sebagai satu platform untuk meningkatkan kesejahteraan Masyarakat.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

8. JAKIM telah menyusun pelbagai pengisian kepada pelbagai golongan masyarakat seperti remaja, belia, wanita dan warga emas di dalam program-program yang dirancang antaranya:
 - a) **Wanita Anggun Bidadari Syurga**
Ceramah berkisarkan hal ehwal wanita dalam Islam, ciri-ciri wanita yang akan membentuk diri dan sahsiah sehingga manjadikan wanita sebagai ahli Syurga.
 - b) **Bual Cinta Anak Muda**
Bual Bicara santai bersama golongan belia bagi mengupas isu-isu semasa belia. Cabaran dan dugaan hidup remaja dan belia yang akan membentuk personaliti dan jati diri menjadi pemuda atau pemudi contoh.
 - c) **Kuliah Maghrib dan Kuliah Subuh**
Kupasan isu-isu semasa berkaitan kehidupan harian yang menerangkan pencegahan dan kesedaran Undang-undang Syariah Wilayah Persekutuan. Selain itu juga, ruang ini menyentuh Isu-isu Semasa berkaitan Perkahwinan, Penceraihan dan Rujuk di Wilayah Persekutuan.
 - d) **Kuliah Dhuha**
Pendedahan perkara-perkara berkaitan Ma'al Hijrah yang menyentuh isu perpaduan sesama muslim dan bukan Islam.

PENUTUP

9. Saya tidak berniat untuk berucap panjang, akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutama sekali kepada Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan Negeri Pahang atas komitmen YB Dato' hadir ke majlis ini.
10. Semoga kita semua dilimpahi rahmat dan hidayah Allah SWT. Sekian.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Program Santuni Komuniti Masyarakat Sejahtera kerjasama JAKIM dengan

Masjid Al-Muqqarobin, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur

OBJEKTIF PENGANJURAN

program 2 hari ini:



MENINGKATKAN
ilmu penghayatan
Islam bersandarkan
pegangan Ahli
Sunnah Wal
Jamaah


MENERAKTAKAN
jaringan komunikasi
antara komuniti
setempat, agensi
kerajaan dan bukan
kerajaan

MENJADIKAN
aktiviti dakwah
sebagai kaedah
kehidupan
yang sejahtera

Program Santuni Komuniti Masyarakat Sejahtera kerjasama JAKIM dengan masjid Muqqrabin Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur



mengupas isu-isu semasa dan cabaran yang dihadapi oleh remaja/belia



Ceramah membentuk sahsiah wanita dalam Islam



Kupasan mengenai kesedaran Undang-undang Syariah Wilayah Persekutuan berkaitan perkahwinan, penceraian dan rujuk selain dibincangkan mengenai perpaduan muslim dan bukan muslim sempena bulan Maal Hijrah.

AMANAT SULUNG KETUA PENGARAH

1. MUKADIMAH

Assalamualaikum WB. Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita bersyukur, ke hadrat Ilahi, atas limpah rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini secara maya bagi menjayakan Perhimpunan Bulanan JAKIM setelah sekian lama kita tidak dapat mengadakannya atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Perhimpunan bulanan JAKIM pada pagi ini, merupakan suatu sejarah buat diri saya dan JAKIM kerana ia merupakan perhimpunan pertama saya selaku Ketua Pengarah yang baru dilantik menggantikan Almarhum Dato' Haji Paimuzi bin Yahya, mantan Ketua Pengarah yang banyak berjasa kepada kita semua. Sesungguhnya, hasil jasa dan sumbang bakti pimpinan JAKIM terdahulu, telah banyak merintis jalan memungkinkan JAKIM mencapai kejayaan pada hari ini. Marilah sama-sama kita baca surah al-Fatihah buat pimpinan serta warga JAKIM yang terdahulu meninggalkan kita. Al-Fatihah.

2. LATAR BELAKANG PEMILIHAN KP JAKIM

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih, kepada pihak Kerajaan khususnya YB Menteri dan YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YBhg. Tan Sri KSN, YBhg. Tan Sri KPPA dan YBhg. Datuk TKSUK JPM atas kepercayaan melantik saya sebagai KP JAKIM yang ke 13.

Proses pemilihan dan pelantikan KP JAKIM pada kali ini agak berbeza dengan proses pelantikan KP yang sebelumnya. Ini kerana, pihak kerajaan memerlukan sedikit masa untuk membuat penelitian sebelum membuat keputusan terbaik melantik KP JAKIM.

Saya pada peringkat permulaannya telah dipanggil oleh YB Menteri bagi mendapatkan pandangan mengenai ciri-ciri yang perlu ada pada seorang KP JAKIM. Tanpa ada sebarang prasangka, saya telah mengemukakan pandangan saya mengenai kriteria calon-calon KP JAKIM secara umum. Saya tidak menyangka, bahawa pertanyaan tersebut rupanya suatu proses penilaian YB Menteri terhadap Pegawai Hal Ehwal Islam sebelum dilantik sebagai KP JAKIM.

Proses seterusnya, bagi mengelakkan persepsi yang salah terhadap pemilihan KP JAKIM, YB Menteri telah menerima cadangan daripada KSN dan KPPA agar mengadakan temuduga bagi menilai beberapa calon lain yang dirasakan layak untuk mengisi jawatan KP JAKIM supaya lebih adil dan tidak salah dalam membuat keputusan dan pemilihan.

Akhirnya, atas keputusan bersama semua pihak, mungkin pada pertimbangan pihak kerajaan, maka saya dianggap sebagai calon yang sesuai buat masa ini. Ini bukan bermakna calon-calon yang lain tidak sesuai atau saya katakan bahawa saya merupakan calon yang terbaik, tetapi keputusan yang dibuat oleh kerajaan atas pertimbangan kesesuaian semasa.

Dalam tempoh proses pemilihan tersebut, kita semua sedia maklum, telah berlegar pelbagai persepsi dan juga fitnah termasuklah tohmahan yang mengatakan bahawa YB Menteri cuba membawa calon dari luar untuk dilantik sebagai KP JAKIM. YB Menteri berkali-kali katakan kepada saya bahawa itu semua tidak benar sama sekali. Akhirnya, saya terpaksa mengeluarkan satu notis dalaman JAKIM untuk memberi teguran kepada warga JAKIM agar tidak membuat sebarang andaian mengenai berita tidak sahih dan cakap-cakap yang tidak benar tersebut.

Saudara dan Saudari sekalian,

Sesungguhnya, pelantikan saya sebagai KP JAKIM ini adalah suatu amanah yang sangat besar dan berat bagi saya. Jawatan sebagai KP JAKIM adalah suatu jawatan yang unik, sama uniknya dengan pentadbiran hal ehwal Islam di negara kita seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. JAKIM telah diberitanggungjawab oleh Majlis Raja-Raja untuk mengurus penyelarasan pentadbiran hal ehwal Islam bersama Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri. Selain itu, JAKIM juga bertanggungjawab merancang dan mengesyorkan kepada kerajaan mengenai hala tuju pembangunan Islam di negara ini. Justeru, baik buruknya pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia, sebahagian besarnya terletak pada bahu JAKIM yang memikulnya. Tanggungjawab ini bukan hanya soal menjaga kepentingan pihak-pihak tertentu sahaja, tetapi menjadi kepimpinan di JAKIM perlu memikirkan soal yang lebih besar iaitu menjaga soal kepentingan ummah keseluruhannya meliputi akidah, syariah, akhlak, hukum-hakam, halal haram, baik buruk dalam sebuah negara Islam iaitu Malaysia yang menjadi rujukan di serata dunia.

Saudara dan saudari sekalian,

Kebetulan, pelantikan saya sebagai KP JAKIM ketika suasana dunia sedang menghadapi musibah pandemik COVID-19 dan kerajaan pula mengisyiharkan PKP 2.0 di seluruh negara kecuali Sarawak. Saya berfikir panjang, dengan tempoh masa yang saya ada untuk membakti dalam kerajaan, dengan suasana negara menghadapi pandemik yang entah bila akan berkesudahan, saya sedar, saya perlu melakukan sesuatu dengan cepat dan berkesan. Semua pemimpin, apabila diberi amanah dan kepercayaan untuk memimpin, sudah pasti mempunyai sesuatu yang ingin dilaksanakan untuk ditinggalkan sebagai sebuah legasi kepada organisasi tersebut.

Melihat kepada keadaan semasa di JAKIM buat masa ini, kita sering dihujani dengan pelbagai isu yang secara tidak langsung telah mencemarkan imej dan reputasi JAKIM sebagai agensi pengurusan hal ehwal Islam di negara ini. Sebagai contoh, masyarakat menuding

jari kepada JAKIM dalam isu penyeludupan daging baru-baru ini, isu integriti golongan agamawan dipertikaikan, isu LGBT yang tidak berkesudahan, termasuklah isu-isu pengurusan agensi agama lain sehingga isu gesaan supaya JAKIM dirombak. Ini semua merupakan manifestasi apabila kita tidak mengurus sesuatu isu dengan cekap dan berkesan.

Justeru, dalam tempoh masa yang ada sepanjang saya menjadi KP JAKIM ini, saya ingin mengajak semua barisan kepimpinan JAKIM dan warga JAKIM keseluruhannya, untuk sama-sama kita berganding bahu fikirkan dan laksanakan segera strategi yang paling berkesan untuk pulihkan persepsi masyarakat terhadap agensi agama khususnya JAKIM dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

3. WAY FORWARD JAKIM

Saudara dan Saudari Sekalian,

Sebagai KP JAKIM yang baru, saya akan meneruskan legasi kepimpinan KP-KP yang terdahulu, sejak zaman awal penubuhan JAKIM. Dasar, visi, dan misi JAKIM yang dipandu oleh Pelan Strategik JAKIM, akan terus menjadi panduan, dalam memacu hala tuju JAKIM. Cuma, mungkin beberapa pendekatan akan disesuaikan, dengan keperluan semasa.

Sebagai ketua jabatan yang baru, saya beriltizam untuk terus melaksanakan 5 perkara berikut ;

Perkara pertama, mempermaksa pengurusan organisasi dan sistem penyampaian berkesan.

Bagi memastikan JAKIM dapat mengurus penyampaian perkhidmatan dengan berkesan, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa satu perbincangan telah diadakan oleh saya dan pihak pengurusan JAKIM bersama YB Menteri bagi membuat perubahan terhadap struktur JAKIM selaras proses *redeployment* Fasa 2 yang sedang diuruskan oleh

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Sedikit masa lagi kita akan umumkan bagaimanakah wajah JAKIM 2.0 yang akan ditampilkan dengan beberapa perubahan struktur yang lebih segar.

Selain itu, kita juga perlu berusaha untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap agensi agama termasuk JAKIM yang sering dilabelkan sebagai lemah, lembab, lambat dan kurang berkualiti. Justeru, bagi menangani persepsi sebegini, sukacita saya ingin menujuhkan sebuah pasukan yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Kualiti & Inovasi JAKIM yang akan diketuai oleh YBrs. TKP Pengurusan JAKIM. Pasukan ini bertanggungjawab merancang serta melaksanakan kualiti dan inovasi dalam pengurusan JAKIM termasuk menilai fungsi, sistem dan proses kerja sedia ada di setiap bahagian bagi tujuan penambahbaikan.

Saudara dan Saudari Sekalian,

Budaya integriti dalam sistem penyampaian berkesan amat diberi penekanan oleh pihak kerajaan. Ini pula selaras dengan tuntutan ajaran Islam supaya setiap amanah perlu dilaksanakan seadil-adilnya. Bagi memastikan setiap warga JAKIM memiliki nilai integriti tinggi, saya akan melancarkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) JAKIM dalam tempoh terdekat melalui tindakan Unit Integriti JAKIM.

Sistem penyampaian juga turut dinilai sejauh mana masyarakat mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan dengan cepat dan berkesan. Dalam hal ini, setiap perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan perlu dihebahkan secara meluas kepada masyarakat dan menyediakan cara yang mudah untuk mereka mendapatkan perkhidmatan tersebut. Justeru, sukacita JAKIM akan memanfaatkan teknologi IT dalam mempertingkatkan sistem penyampaian berkesan. Sehubungan itu, kita akan lancarkan sebuah aplikasi mobil dengan nama JAKIM Touch yang sedang dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dan UKK.

Keberkesanan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan perlu diukur bagi memastikan tindakan dan kerja kita mencapai objektif yang ditetapkan termasuk memenuhi kehendak syarak. Dalam hal ini, YB Menteri telah bersetuju bahawa dalam pelaksanaan Dasar Manhaj Rabbani (DMR) yang beliau akan umumkan nanti, inisiatif i-MaqSD yang dibangunkan oleh Bahagian Maqasid Syariah akan diguna pakai, bagi mengukur tahap pelaksanaan DMR yang berteraskan Maqasid Syariah atau Maqasid Insaniyyah Rabbaniyyah. Justeru, i-Maqsid yang menggabungkan nilai-nilai Maqasid Syariah dan *Sustainable Development Goal* (SDG) dalam sistem pengurusan di JAKIM akan dipanjangkan kepada agensi agama persekutuan pada peringkat awal serta kementerian-kementerian lain pada peringkat seterusnya. Perkara ini akan diselaras oleh Bahagian Maqasid Syariah.

Perkara kedua yang akan menjadi tumpuan saya ialah, pembangunan dasar pengurusan hal ehwal Islam yang komprehensif melalui penyelidikan dan pembangunan.

Seperti yang kita sedia maklum, JAKIM merupakan agensi pusat yang bertanggungjawab menasihati kerajaan mengenai pembangunan hal ehwal Islam melalui cadangan dasar-dasar pengurusan hal ehwal Islam di negara ini. Oleh sebab itu, JAKIM terlibat dalam mengurus setiakan badan-badan pembuat dasar hal ehwal Islam seperti Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI), Muzakarah MKI, Lembaga Penasihat Penyelarasaran Pelajaran & Pendidikan Agama Islam (LEPAI), Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak & Sivil, Mesyuarat Exco Agama Negeri, Persidangan Ketua Jabatan / Majlis Agama Islam Negeri (PKJ) dan lain-lain. Justeru, bagi memanfaatkan badan-badan pemutus dasar ini, JAKIM perlu mempunyai pasukan R&D yang berkesan. Sehubungan itu, saya akan mewujudkan Felo Penyelidikan JAKIM yang terdiri daripada pegawai dalaman JAKIM dan juga tenaga kepakaran dari luar untuk merancang serta melaksanakan kajian dan pembangunan dasar pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia dalam semua aspek seperti undang-undang, pendidikan, pentadbiran, halal, dakwah dan sebagainya. Untuk itu, saya memohon YBrs. TKP(D) untuk mengetuai pasukan ini.

Saudara dan Saudari Sekalian,

Perkara ketiga yang menjadi keutamaan saya ialah dakwah dan pembangunan insan.

Dalam tempoh negara sedang menghadapi pandemik COVID-19 dan PKP yang belum tahu penghujungnya, JAKIM perlu bijak dan kreatif dalam mengisi ruang dan peluang sedia ada sebaik mungkin. Kita tidak boleh menunggu sehingga tamat PKP, PKPB dan PKPP untuk menjalankan program dakwah dan pembangunan insan. Apabila menyebut dakwah dan pembangunan insan, kita tidak mahu fikiran kita hanya tertumpu kepada aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Dakwah, Bahagian Penyiaran, Bahagian Pendidikan, Bahagian Penerbitan, Bahagian KSK, ILIM dan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) JAKIM sahaja. Kita perlu letakkan dalam pemikiran kita bahawa semua bahagian di JAKIM termasuk masjid-masjid utama dan masjid di seluruh negara perlu digerakkan dalam merancakkan lagi program dakwah dan pembangunan insan di seluruh negara. Cumanya, bagaimanakah caranya untuk kita sesuaikan program dakwah dalam musim sekarang ini? Justeru, saya akan memastikan program dakwah dan pembangunan insan dapat dilaksanakan melalui pendekatan norma baharu dan mengutamakan medium teknologi IT termasuk program media sosial yang digerakkan oleh UKK. Sehubungan itu, saya telah meminta YBrs. TKPO menggerakkan pasukan Dakwah Siber JAKIM bagi merealisasikan perkara ini dalam tempoh terdekat.

Saudara dan saudari Sekalian,

Perkara keempat yang menjadi keutamaan saya ialah isu kebajikan warga JAKIM

Saya menerima banyak SMS dan *WhatsApp* dari warga JAKIM sama ada di dalam ibu pejabat maupun di luar ibu pejabat yang mengemukakan cadangan dan pandangan mengenai isu kebajikan pegawai. Antaranya isu lambat naik pangkat, isu pertukaran dan penempatan, isu kader dan lain-lain.

Berhubung isu lambat kenaikan pangkat, ia turut menjadi keutamaan YB Menteri. Dalam hal ini, saya telah meminta Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI) dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) untuk menguruskan perkara ini dengan bantuan dan sokongan daripada PKPU. Saya beriltizam untuk memastikan dalam tempoh saya menjadi KP, pegawai yang selayaknya naik pangkat, akan dipastikan naik pangkat melalui beberapa kaedah yang akan disyorkan kepada YBhg. Tan Sri KSN, YBhg. Tan Sri KPPA dan YBhg. Datuk TKSUK JPM dalam tempoh terdekat ini. Isu ini bukan hanya melibatkan kumpulan pengurusan dan profesional bahkan melibatkan kumpulan sokongan juga.

Saya juga beriltizam sedaya upaya mungkin untuk melaksanakan sistem penempatan The Right People at The Right Place bagi memastikan penempatan pegawai sesuai dengan kepakaran, minat dan kecenderungan setiap pegawai bagi mewujudkan keseronokan bekerja. Sehubungan itu, saya telah meminta BPSM untuk menyediakan Garis Panduan Pertukaran dan Penempatan PHEI Kumpulan P&P dan Pelaksana.

Bagi memantapkan perkhidmatan kader JAKIM di luar ibu pejabat, JAKIM akan menerbitkan Manual Penempatan Skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam di Kementerian/ Jabatan dan Agensi Kerajaan.



Saya juga mendapat cadangan daripada warga JAKIM yang mempunyai kepakaran tertentu dalam bidang latihan dan perundingan Islam. Namun malangnya buat masa ini, belum ada mekanisme sesuai yang boleh memberi pengiktirafan kepada mereka yang dimiliki oleh mereka. Sehubungan itu, saya beriltizam untuk melancarkan Standard Perunding Latihan Islam yang dibangunkan oleh ILIM bagi membolehkan warga JAKIM mendapat pengiktirafan kepada mereka.

Saudara dan Saudari sekalian.

Perkara kelima dan terakhir yang menjadi keutamaan saya ialah menyediakan pelapis kepimpinan JAKIM.

Sebelum saya bersara, sudah pasti menjadi tugas dan tanggungjawab saya untuk mewarisi kepimpinan JAKIM kepada mereka yang mempunyai kompetensi tinggi. Kepimpinan bukan hanya merujuk kepada jawatan KP, bahkan termasuk TKP, Pengarah-pengarah Bahagian sehinggalah kepimpinan di peringkat bawahan. Antara ciri-ciri kepimpinan JAKIM yang perlu kita bangunkan ialah :

i) Kualiti Keperibadian (*softskills*)

- Mempunyai keupayaan memimpin dan keupayaan membina kepercayaan terhadap kepimpinan
- Keputusan yang cepat dan tepat
- Kemampuan membina dan melatih pasukan sendiri
- Kemampuan menyatu dan memberi tujuan yang jelas
- Sedia mendengar

ii) Kualiti Ilmiah

- Mempunyai latar bidang kepakaran khusus tertentu dalam bidang-bidang ilmu Islami yang mampu menjadi rujukan sama ada kepada pegawai bawahan atau kepada *stakeholder*; dan
- Penguasaan bahasa-bahasa utama antarabangsa (Bahasa Arab/ Bahasa Inggeris).

- iii) Kualiti Akhlak/ Integriti
 - Mempunyai rekod bersih sepanjang perkhidmatan.
 - Mampu menjadi contoh kepada warga JAKIM dan juga imej JAKIM sendiri sebagai agensi agama; dan
 - Menitik berat aspek integriti dan tidak bertolak ansur terhadap sebarang salah laku dan pelanggaran peraturan perkhidmatan.
- iv) Manhaj pemikiran yang wasati/ Ahli Sunnah Wal Jamaah
 - Mampu memimpin JAKIM memainkan peranan utama sebagai pihak yang dapat menjernihkan aliran-aliran kefahaman dalam ASWJ kepada sebuah manhaj arus perdana yang sederhana serta membanteras pemikiran dan ajaran menyeleweng.
- v) Kompetensi Digital
 - Nilai tambahan kepada kepimpinan JAKIM selaras evolusi Industri 4.0 (IR4.0); dan
 - Kompetensi bukan semata mahir dari segi aspek teknikal tetapi juga bijaksana dalam memenuhi tuntutan dunia digital tanpa batas
- vi) Daya Inovasi Dalam Kepimpinan
 - Kebijaksaan dan keberanian dalam melakukan perubahan-perubahan baik, selari gelombang Revolusi Industri 4.0 – menekankan aspek *Critical Thinking, Creativity, Complex Problem Solving, Analytical Thinking*; dan
 - Menyediakan ruang dan peluang yang kondusif bagi pegawai-pegawai untuk berkongsi idea-idea baharu.
- vii) Diterima oleh warga JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri

4. SALING PERLU MEMERLUKAN

Saudara dan Saudari Sekalian,

Bagi merealisasikan semua hasrat dan iltizam yang saya utarakan sebentar tadi, ianya memerlukan sokongan dan dokongan daripada

semua warga JAKIM yang saya kasihi. Dalam hal ini, saya amat bersyukur kerana mempunyai TKP-TKP yang setia membantu saya dulu, sekarang dan selepas ini InsyaAllah.

Selain itu, saya juga merasa bertuah kerana turut disokong oleh Pengarah-Pengarah Bahagian yang setia bersama, tidak ketinggalan semua warga JAKIM yang ada, maka saya yakin dan percaya dengan gandingan mantap kita semua, maka misi dan visi JAKIM, akan dapat diteruskan, dengan lebih lancar dan cemerlang lagi.

Pada saya, setiap orang dalam kalangan anda, adalah aset yang sangat bernilai kepada JAKIM. Setiap individu ada peranan masing-masing, ibarat sebuah rumah, ada yang menjadi tiang, ada yang menjadi atap, ada yang menjadi lantai, ada yang menjadi tingkap, dan ada yang menjadi paku. Tanpa atap, rumah akan bocor, tanpa paku, rumah akan roboh.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warohmatullahi wabarakatuh.



5 ILTIZAM

KETUA PENGARAH JAKIM



oleh warga JAKIM
dan pihak berkuasa
agama negeri

- mempunyai keupayaan memimpin dan keupayaan membina kepercayaan terhadap kepimpinan
- Keputusan yang cepat dan tepat
- Kemampuan membina dan melatih pasukan sendiri
- Kemampuan menyatu dan memberi tujuan yang jelas
- Sedia mendengar

- mempunyai latar bidang kepakaran khusus tertentu dalam bidang-bidang ilmu islami yang mampu menjadi rujukan sama ada kepada pegawai bawahan atau kepada stakeholder
- Penguasaan bahasa-bahasa utama antarabangsa (B.arab/Inggeris).



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAKIM (FEBRUARI)

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah SWT kerana pada pagi Jumaat yang penuh dengan barakah ini kita dipertemukan dalam Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM bagi bulan Februari 2021. Saya mendoakan agar kita semua sentiasa berada di bawah lindungan Allah SWT dan sentiasa bersemangat waja untuk terus menjalankan tugas dan amanah kita semua walaupun kita masih lagi bertarung melawan pandemik COVID-19 yang entah bila akan berakhir.
2. Terlebih dahulu saya dan seluruh warga JAKIM menzahirkan rasa sukacita dan amat merasa gembira atas kesudian YB Menteri dan YB Timbalan Menteri meluangkan masa hadir ke Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM pada kali ini. Sesungguhnya kehadiran kedua-dua pimpinan kita ini menunjukkan bukti kesungguhan azam dan komitmen kedua-duanya kepada peranan dan fungsi JAKIM dalam mengerakkan hasrat dan iltizam pihak kerajaan pada masa kini khususnya bagi portfolio di bawah Hal Ehwal Agama Islam.
3. Sejujurnya ingin kami zahirkan perasaan senang dan rela untuk terus sama-sama berkerja di bawah kepimpinan kedua-dua tokoh ini. Semangat juang, pengorbanan masa dan tenaga yang ditunjukkan oleh mereka berdua ini dalam memastikan imej pengurusan hal ehwal agama Islam di negara ini diperkasa dan dibela menyuntik semangat kami untuk tidak mudah rasa lelah dan putus asa untuk terus melakukan sebarang perubahan dan anjakan paradigma dalam pengurusan hal ehwal Islam khususnya yang melibatkan fungsi JAKIM.
4. Perasaan ini saya sentiasa kongsikan kepada anak-anak buah di JAKIM dalam setiap pertemuan secara rasmi ataupun tidak rasmi, dengan penegasan berulang kali diberikan untuk sama-sama kita sebagai warga JAKIM, agensi yang menjadi teras kepada pengurusan hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan ini, untuk

terus membantu dan terus memberi sokongan kepada kedua-dua pimpinan kita ini selama mana idea dan usaha yang mereka garapkan adalah demi kebaikan semua.

Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan warga JAKIM yang dikasihi sekalian,

5. Atas hasrat dan keinginan tinggi YB Menteri dan YB Timbalan Menteri yang mahu melihat kemajuan agensi agama khususnya JAKIM ini dipertingkatkan, maka saya dan barisan kepimpinan JAKIM yang ada ini telah menyatakan azam dan istiqamah kami secara kolektif untuk melaksanakan beberapa perkara secara *Quick Win* di JAKIM. Antara fokusnya ialah :

Yang pertama, memperkemaskan kepimpinan dan pengurusan bahagian-bahagian di JAKIM dengan melakukan beberapa pindaan kecil terhadap struktur sedia ada. Perkara ini telahpun dilaksanakan dan di peringkat pertimbangan agensi pusat untuk meluluskan cadangan penstrukturan semula organisasi JAKIM 2.0.

Yang Kedua, memastikan kebajikan warga JAKIM sentiasa terpelihara khususnya dalam soal perjawatan dan perkhidmatan bagi memastikan keseronokan dan motivasi bekerja sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.

Yang ketiga, memastikan nilai integriti warga JAKIM dapat diamalkan secara optima tanpa sebarang kompromi demi memastikan amanah yang diberi upah dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Untuk itu kami sedang usahakan supaya Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) seperti yang disarankan oleh pihak kerajaan akan dilancar segera selewat-lewatnya pada pertengahan bulan Mac nanti.

Yang keempat, bagi memastikan perkhidmatan organisasi hal ehwal Islam tidak ketinggalan dalam dunia teknologi Revolusi Industri 4.0 atau IR 4.0, maka kami telah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Pengurusan Kualiti & Inovasi JAKIM yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan TKP Pengurusan JAKIM. Jawatankuasa ini telah diberi tanggungjawab untuk meneliti proses kerja sedia ada di JAKIM dan mencadangkan sebarang bentuk inovasi kerja bagi memastikan perkhidmatan JAKIM sentiasa *up to date* dan mempunyai ciri-ciri kualiti yang tinggi. Kita tidak mahu lagi apabila sebut agensi agama, maka perkhidmatan yang diberikan hanya ala kadar, kurang cekap dan lambat.

Yang kelima, antara perkara yang menjadi fokus kami pada masa kini ialah bagaimana usaha yang boleh dilakukan JAKIM bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh JAKIM dapat diketahui dengan meluas dan memudahkan masyarakat mendapatkan perkhidmatannya. Justeru, kami telah pun membuat beberapa perubahan kaedah pengurusan komunikasi jabatan melalui saluran media yang ada sama ada di UKK, Bahagian Penyiaran, Bahagian Dakwah, Bahagian Penerbitan dan lain-lain. Pewujudan JAKIM Communication Action Team ataupun ringkasnya J-CAT yang diurussetiakan oleh UKK JAKIM diharapkan dapat membantu pihak pengurusan dapat bertindak secara cepat dan tepat dalam menangani isu-isu yang timbul dalam pengurusan hal ehwal Islam.

JAKIM juga telah menggerakkan Pasukan Dakwah Siber JAKIM yang diurussetiakan oleh Bahagian Dakwah JAKIM bagi memastikan program dakwah bukan sahaja dilaksanakan secara fizikal, malah akan lebih memberi fokus kepada dakwah secara maya selaras dengan norma baharu yang digalakkan oleh pihak kerajaan. Bagi memastikan pengurusan komunikasi antara agensi agama persekutuan dan negeri dipertingkatkan, JAKIM akan mewujudkan satu jaringan komunikasi yang dinamakan Forum Pegawai Komunikasi Agensi Agama Persekutuan dan Negeri atau nama ringkasnya PEKA yang diurussetiakan oleh UKK JAKIM. Semua idea ini adalah bagi menyahut saranan YB Menteri agar agensi agama dapat mempertingkatkan pengurusan komunikasi bagi memastikan imej pengurusan hal ehwal Islam di negara ini dapat dipertingkatkan.

Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan warga JAKIM yang dikasihi sekalian,

6. Bagi memastikan semua hasrat dan iltizam yang telah saya sebutkan sebentar tadi, maka sudah pasti panduan dan bimbingan berterusan oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri amatlah diperlukan. Selain itu, saya amat bertuah kerana mempunyai rakan-rakan pengurusan terdiri daripada Timbalan-timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-pengarah Bahagian yang komited dalam meneruskan gerak kerja ini. Dalam pada itu, sokongan dan dokongan daripada seluruh warga JAKIM selama ini amat mengharukan saya. Dalam susah dan senang, pahit atau manis, jauh atau dekat, mereka semua menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada semua pimpinan pengurusan yang ada demi memastikan agensi pengurusan hal ehwal Malaysia, JAKIM yang keramat ini terus gagah di persada.
7. Sekian, sahaja ucapan alu-aluan saya pada majlis pagi ini, pohon ampun dan maaf, teruslah doakan kami agar terus diberi taufik dan hidayah untuk terus memimpin anda semua.
8. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menyampaikan ucapan amanat dan nasihat buat kita semua pada pagi ini. Dipersilakan.

Fungsi JAKIM

dalam menggerakkan hasrat dan iltizam pihak kerajaan khususnya portfolio Hal Ehwal Agama Islam JAKIM sebagai agensi teras kepada pengurusan hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan.

QUICK WIN

di JAKIM yang memfokuskan



PENGUKUHAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN PERKHIDMATAN HAL EHWAL ISLAM

1. Alhamdulillah, dipanjangkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-NYA, “Webinar Pengukuhan Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam” secara atas talian dapat diadakan pada hari ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada ILIM selaku urus setia dan pihak-pihak yang terlibat secara tidak langsung dalam menjayakan seminar pada hari ini.
2. Penawaran latihan, kursus atau seminar secara atas talian melalui pelbagai platform seperti google meet, google classroom, zoom, fb live dan sebagainya telah mula menjadi kebiasaan baru bagi memastikan kesinambungan penyampaian ilmu, latihan dan kemahiran tetap berjalan dengan memberi penekanan kepada empat (4) elemen utama pembentukan peribadi serta jati diri yang dikenali sebagai A.S.K.S iaitu *attitude* (sahsiah), *skills* (kemahiran), *knowledge* (ilmu pengetahuan) dan *spiritual* (kerohanian).
3. Saya difahamkan bahawa webinar ini adalah seminar pertama bagi tahun 2021 yang dianjurkan oleh JAKIM melalui ILIM secara atas talian yang memberi fokus kepada pengukuhan akauntabiliti pengurusan kewangan dalam Perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Penganjuran program ini adalah selaras dengan seruan YBM dalam perhimpunan pertama agensi-agensi di bawah YBM pada 25 Januari 2021 yang lepas iaitu bagi meningkatkan profesionalisme agensi agama dalam menguruskan kewangan dengan cekap, profesional, bersih, amanah dan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

4. JAKIM khususnya melalui ILIM sentiasa komited dalam menilai program-program yang telah dilaksanakan dan sentiasa membuat penambahbaikan berdasarkan keperluan semasa melalui pendekatan Training Need Analysis (TNA). Ini termasuklah kursus-kursus berkaitan pengurusan kewangan, pengurusan aset dan perolehan yang dirancang untuk dilaksanakan dan salah satunya penawaran Kursus Pengurusan Pusat Tanggungjawab (PTJ).
5. Adalah diharapkan semoga dengan inisiatif dan komitmen JAKIM melalui ILIM menawarkan program-program latihan seumpama ini, dalam pelbagai bidang, dapat meningkatkan tahap profesionalisme Pegawai Hal Ehwal Islam khasnya, mempertingkatkan kualiti dalam sistem penyampaian perkhidmatan, dan seterusnya menjana kecemerlangan Perkhidmatan Hal Ehwal Islam.
6. Terima kasih kepada para hadirin / hadirat dan peserta dalam talian kerana mengambil manfaat ini untuk memperbaharui keazaman dan menyegarkan semula pengetahuan mengenai sistem pengauditan yang dilaksanakan pihak bertanggungjawab untuk menilai prestasi pematuhan pengurusan dan peraturan kewangan.
7. Akhir kata, saya berdoa agar webinar ini berjalan lancar serta mencapai objektif yang ditetapkan. Kepada para peserta dalam talian, saya ucapkan selamat berwebinar dan mendapat pencerahan pengetahuan. Saya sudahi ucapan ini dengan lafaz yang mulia wa billahi at-taufiq wa al-hidayah.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Pengukuhkan
akauntabiliti
pengurusan kewangan
dalam Perkhidmatan
Hal Ehwal Islam.



Meningkatkan
profesionalisme
agensi agama dalam
menguruskan kewangan
dengan cekap,
profesional, bersih,
amanah dan mematuhi
peraturan kewangan
yang ditetapkan.



Komitded dalam menilai
program-program yang
telah dilaksanakan
dan sentiasa membuat
penambahbaikan
berdasarkan keperluan
semasa melalui
pendekatan Training
Need Analysis (TNA)

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAKIM (MAC)

MUKADDIMAH

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana situasi Covid-19 di negara kita sudah mula menampakkan tanda pemulihan. Selain angka jangkitan yang semakin menurun, proses vaksinasi/ imunisasi juga sudah mula dilaksanakan buat masa ini kepada barisan hadapan. Semoga setelah proses vaksinasi ini selesai, kehidupan kita akan kembali normal seperti sediakala.

1. PERSARAAN

Saudara dan saudari sekalian,

Pada 26 Mac 2021 yang lalu kita telah mengadakan majlis sempena persaraan Tuan Hj. Hashim bin Salleh, Pengarah Kanan Bahagian Dakwah. Beliau merupakan antara pegawai terakhir *batch* saya dan juga Dr. Nordin bin Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Operasi (TKPO) yang mana kami akan bersara pada tahun ini.

Meskipun Ustaz Hashim sudah tidak bersama kita pada hari ini, namun ayuh kita sama-sama doakan kesihatan berpanjangan kepada beliau untuk terus berbakti dan menyumbang khidmat kepada agama dalam bentuk yang lain pula.

Persaraan pegawai-pejawai kanan ini juga menandakan bermulanya bibit-bibit era kepimpinan baharu di JAKIM yang diharapkan berupaya menerajui jabatan penting ini

2. PERTUKARAN PENEMPATAN

Selaras dengan persaraan ini juga maka kekosongan tersebut akan diisi dengan sedikit pertukaran penempatan dan juga rombakan dalam teraju kepimpinan JAKIM seperti mana yang dinyatakan oleh pihak urus setia dalam maklumat pertukaran sebentar tadi.

Pada pegawai yang telah menerima arahan pertukaran, selamat maju jaya. Semoga amanah baharu yang tuan/ puan terima ini akan disusuli dengan komitmen yang jitu. Bagi yang akan menerima pertukaran, semoga perubahan ini diterima dengan hati yang terbuka dan keazaman yang tinggi. Setiap keputusan yang dibuat jabatan pastinya untuk kebaikan jabatan pada masa yang sama untuk kebaikan tuan/ puan semua.

3. DUNIA MAKIN MENCABAR

Saudara saudari sekalian,

Saya sebutkan tadi kehidupan kini semakin mencabar. Ini kerana cabaran dunia sekarang tak macam cabaran zaman saya bekerja 10 atau 20 tahun dahulu. Jika dahulu mungkin kita hanya melaksanakan perancangan tahunan kita tanpa terlalu memikirkan masalah dan perubahan semasa yang silih berganti. Dunia sekarang sudah berbeza. Ledakan maklumat semasa menyebabkan kita berdepan isu baharu hampir setiap minggu silih berganti. Belum reda isu Ajaran Sesat Ibu Yati dan juga ajaran Dr. Wan Maseri, timbul kemudian isu Sajat, Isu Kartel Daging, kes mahkamah berkaitan pertembungan bidang kuasa mahkamah Syariah dan Sivil dan kini kita disibukkan dengan isu berkaitan kalimah Allah pula.

Saya tak bermiat hendak mengulas kesemua itu. Ia sekadar membuktikan betapa JAKIM mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendepani isu-isu ini.

Kerana itu saya tekankan kepimpinan baharu dan juga semua pegawai-pegawai perlu sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan bukan sahaja dari aspek pengurusan dan pentadbiran, malah sudut kreativiti dan inovasi supaya setiap program yang kita laksanakan menepati keperluan dan tuntutan dalam masyarakat.

Kita perlu sentiasa mengenalpasti keutamaan pada setiap perancangan program yang kita laksanakan. SKT kita itu janganlah saban tahun sekadar *copy paste* secara turun temurun tanpa adanya ‘muhasabah’ dan penilaian kerelevannya.

YB Menteri sendiri selalu menekankan kreativiti dan inovasi khususnya ketika kita berdepan kekangan PKP sepanjang musim Covid-19 ini. Kawalan pergerakan tidak sepatutnya menjadi alasan untuk kita tidak menjalankan fungsi atau kerja kita.

4. PELAKSANAAN PROGRAM DENGAN NORMA BAHARU

Kerana itu perubahan semasa ini memerlukan kita menjadi lebih kreatif dan bijak beradaptasi dengan kekangan yang kita hadapi. Contohnya kini kita lebih sering bermesyuarat secara atas talian. Saya dapati mesyuarat secara atas talian ini ada banyak juga kebaikan khususnya dari segi penjimatan kos. Meskipun tidak dinafikan mesyuarat secara atas talian ini mempunyai kekangan lain khususnya dari aspek perbincangan dua hala, namun kita harus sedar bahawa dunia sememangnya sedang bergerak ke arah pendigitalan. Jadi sejauh mana kita sudah bersedia ke arah itu ?

5. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG – APC



Saudara saudari sekalian,

Dalam perhimpunan kali ini saya dimaklumkan kita akan membuat penyerahan sijil penghargaan kepada para penerima Anugerah

Perkhidmatan Cemerlang (APC) JAKIM. Saya yakin tuan/ puan sememangnya berhak untuk mendapat penghargaan dan pengiktirafan ini. Jadi saya harap supaya kecemerlangam itu tidak terhenti setakat ini. Saya yakin banyak ruang yang kita boleh tambah baik selari dengan meningkatnya pengalaman kita dalam perkhidmatan. Bagi yang belum terima anugerah ini, ayuh tingkatkan kualiti kerja supaya selepas ini sampai giliran kita pula.

6. TAHNIAH BAHAGIAN YANG BERJAYA LAKSANA PROGRAM

Di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua bahagian yang telah berjaya melaksanakan program-program yang telah dirancang dan juga yang diarahkan dari semasa ke semasa. Saya sebutkan antaranya seperti:

1. Mesyuarat dan bengkel berkaitan Pasukan Khas Pelaksana bagi Jawatankuasa Tertinggi Hal Ehwal Islam – Bahagian Dasar Kemajuan Islam
2. Muzakarah MKI dan juga Munaqasyah Khas Isu Semasa – Bahagian Penyelidikan
3. Forum Perdana Ehwal Islam – Bahagian Penyiaran
4. Majlis Pelancaran Buku Maqasid Syariah – Bahagian Maqasid Syariah
5. Kursus Media Sosial bersama Kader, Guru KAFA – UKK
6. Program ‘Muhasabah’ Setahun kepimpinan YB Menteri dan Timbalan Menteri.
- Bahagian Keurussetiaan dan Hubungan Luar
7. Sambutan Tahun Baru Cina Bersama Saudara Muslim – Bahagian Dakwah

Saya tahu ini hanya sebahagian program-program utama yang melibatkan sama ada YB Menteri dan juga saya sendiri. Ada banyak lagi program yang JAKIM telah dan akan laksanakan tetapi tidak dapat saya sebutkan kesemuanya. Saya mungkin tidak sebutkan satu persatu tetapi saya ambil perhatian semuanya. “I may not mention or react, but I notice everything !”

Diharapkan menjelang suku kedua perbelanjaan tahun ini, semua bahagian dapat melipat gandakan usaha melaksanakan pelaksanaan program yang dirancang bagi memastikan prestasi belanja mengurus kita pada tahap terbaik.

7. KERJASAMA RAKAN STRATEGIK

Saudara saudari sekalian,

Tanggungjawab besar yang diamanahkan kepada JAKIM ini memang berat kalau kita tanggung sendirian. Ini kerana kadang-kadang kita lupa bahawa kita ada banyak rakan strategik yang tidak kita manipulasi sebaiknya. Kerjasama antara agensi ini kurang berkesan bila kita rasa masing-masing tak perlukan antara satu sama lain justeru terjadi *redundancy* atau pertindanan tugas dan aktiviti.

Kerana itu suka saya peringatkan semula amanat yang diberikan oleh mantan Ketua Pengarah JAKIM yang kini berkhidmat sebagai Setiausaha Politik YB Menteri, Dato' Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz dalam Majlis Muhasabah sempena setahun pentadbiran YB Menteri di Masjid Negara baru-baru ini antaranya supaya setiap agensi di bawah YB Menteri menilai semula asal usul tujuan penubuhan institusi masing-masing. Begitu juga kerjasama erat mesti dijalin khususnya bersama Majlis/ Jabatan Agama Islam Negeri dan juga agensi-agensi keselamatan seperti MKN, PDRM sebagai rakan strategik utama JAKIM.

8. DASAR PRIHATIN KERAJAAN

Saudara saudari sekalian,

Selain itu pelaksanaan dasar prihatin kerajaan pada hari ini perlu diterjemah sebaik mungkin oleh JAKIM. JAKIM seharus menjadi contoh dalam pelaksanaan program kerajaan prihatin melalui program-program turun padang dan juga dasar-dasar yang mampu memberi manfaat kepada rakyat.

Akhir kata saya harap segala apa yang saya tuturkan di sini diambil sebagai nasihat orang tua yang sayangkan anak-anaknya. Saya tekankan lagi apa yang saya sebutkan dalam ucapan sulung saya sebaik dilantik Ketua Pengarah sebelum ini iaitu anda adalah aset sebenar JAKIM. Masing-masing ada peranan berbeza yang saling melengkapi dan menyempurnakan ‘JAKIM’.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhli Wabarakatuh.

“AMANAT

YBhg. Dato' KP JAKIM

- Persaraan warga JAKIM
- Pertukaran Penempatan warga JAKIM



ISU

01

Ajaran sesat
ibu Yati

02

Ajaran sesat
Dr.Wan Maseri

04

Isu LGBT
(Sajat)

03

Kartel Daging
(Daging yang
bukan lembu/
kerbau)

Pertembungan mahkamah Syariah dan Sivil berkaitan penggunaan kalimah Allah kepada orang bukan Islam

PERANCANGAN TAHUNAN WARGA JAKIM

Mengenalpasti keutamaan pada setiap perancangan program berdasarkan kepada isu-isu semasa

01

Pelaksanaan Program/Aktiviti Norma Baharu secara atas talian

02

Kerjasama JAKIM Bersama rakan strategik seperti PDRM, MKN dan lain-lain bagi memudahkan urusan pentadbiran dan kos perbelanjaan serta mengelakkan pertindanan tugas.

03

Dasar Prihatin Kerajaan dengan mengadakan program turun padang untuk Bersama rakyat

MAJLIS PENYEMPURNAAN PENDIGITALAN DATA PERKAHWINAN ORANG ISLAM NEGERI PERLIS

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama berada di Majlis Penyempurnaan Pendigitalan Data Perkahwinan Orang Islam Negeri Perlis pada hari ini. Kejayaan Negeri Perlis sebagai negeri pertama yang menyempurnakan Pendigitalan Data Perkahwinan orang Islam ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan dan wajar dicontohi oleh negeri-negeri lain.

Yang Mulia Tuanku dan hadirin sekalian,

Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) ini dibina sejak tahun 2002 dengan sokongan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Tiga buah negeri iaitu Perlis, Negeri Sembilan, dan Melaka ialah negeri pertama yang mula menggunakan sistem ini iaitu pada tahun 2011. Ia kemudiannya disusuli oleh negeri Kedah (2012), Perak (2014), Wilayah Persekutuan (2017) dan terkini negeri Johor yang mula menggunakan sistem ini bermula 1 April 2021.

Objektif utama SPPIM ini tidak lain ialah sebagai pangkalan data sistematik untuk rujukan perkahwinan serta kes-kes cerai dan rujuk orang Islam di negara ini. Dalam dunia digital masa kini, pewujudan data berpusat sebegini sudah menjadi satu kewajipan kepada setiap institusi pentadbiran bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.



Untuk rekod, sehingga 31 Mac 2021, sistem ini telah dimanfaatkan oleh 7081 orang pengguna sistem merangkumi pegawai dan kakitangan JAIN, penceramah serta pengajur Kursus Pra Perkahwinan termasuk 152 orang di Perlis sendiri.

Selain kemudahan pendaftaran serta rujukan data-data perkahwinan, cerai dan rujuk, sistem ini turut memuatkan modul-modul serta laporan berkaitan isu-isu perkahwinan, cerai dan rujuk sebagai rujukan pihak-pihak berkepentingan dalam membantu penyediaan polisi kerajaan.

Yang Mulia Tuanku dan hadirin hadirat sekalian,

Pihak JAKIM berharap akan lebih banyak lagi negeri menyertai serta menyempurnakan pendigitalan data-data perkahwinan melalui SPPIM ini bagi mengangkat imej institusi Islam sebagai sebuah institusi yang mampu ditadbir dengan cekap dan berkesan.

JAKIM dan pihak Jabatan Agama Islam Negeri khususnya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis sentiasa bekerjasama erat dari semasa ke semasa membuat penambahbaikan terhadap sistem ini bagi memenuhi keperluan semasa masyarakat sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini.

Ampun Tuanku,

Demikianlah sahaja ucapan patik. Mohon beribu keampunan seandainya ada di dalam pertuturan patik sebentar tadi, perkara-perkara yang tidak berkenan atau tidak sesuai. Semoga negeri Perlis terus maju, aman dan makmur di bawah naungan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku.

Patik akhiri dengan Wabillahi taufik wal hidayah wassalamu-laikum WarahmatullAhi Wabarakatuh.

Pendigitalan

Data Perkahwinan Orang Islam Negeri Perlis

Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (**SPPIM**) ini dibangunkan sejak tahun 2002 oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan sokongan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

1

Perlis adalah negeri pertama yang melaksanakan Pendigitalan Data Perkahwinan orang Islam di Malaysia.

2

SPPIM ialah pangkalan data sistematis untuk rujukan perkahwinan serta kes-kes cerai dan rujuk orang Islam di negara ini.

3

SPPIM juga sebagai platform rujukan yang mengandungi modul-modul, laporan-laporan berkaitan isu-isu perkahwinan, perceraian dan rujuk.

4

Sehingga 31 Mac 2021, sistem ini telah dimanfaatkan oleh 7081 orang pengguna sistem merangkumi pegawai dan kakitangan JAIN, penceramah serta pengajar Kursus Pra Perkahwinan di negeri Perlis

UCAPAN PERASMIAN PROGRAM INFORMASI DIGITAL JAKIM TAHUN 2021

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama menjayakan Program Informasi Digital JAKIM Tahun 2021 pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ucapkan tahniah kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) JAKIM atas inisiatif menganjurkan program seperti ini yang dilihat dapat memberi nilai tambah dalam diri pegawai-pegawai kita berkaitan teknologi digital sebagai pemudah cara dalam urusan pejabat khususnya, dan dalam urusan harian amnya.
3. Sesungguhnya pandemik COVID-19 ketika ini bukan sahaja telah banyak mengubah cara kita bekerja. Perkhidmatan secara dalam talian dan perkhidmatan digital dilihat amat signifikan dalam melancarkan dan memudahkan urusan kerja kita.
4. Kerana itu saya sering menekankan kepentingan memantapkan aspek pengurusan maklumat bagi memastikan semua perkhidmatan infrastruktur dan aplikasi ICT sentiasa boleh diakses dan digunakan walaupun kebanyakan daripada kita bekerja dari rumah dan secara dalam talian.

YBhg. Dato' tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan MyDIGITAL dan Malaysia Digital Economy Blueprint pada 19 Februari 2021.

6. MyDIGITAL ini merupakan inisiatif peringkat nasional dengan aspirasi untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi dengan pendekatan *digitally-enabled* dan *technology-driven*, serta menjadi peneraju ekonomi digital di Asia Tenggara.
7. Untuk merealisasikan perancangan MyDIGITAL ini, Malaysia Digital Economy Blueprint telah dirangka dengan menggariskan hala tuju, strategi, dan inisiatif ke arah pertumbuhan ekonomi digital serta merapatkan jurang digital.
8. Teras Strategik Pertama: *Drive Digital Transformation in the Public Sector* telah menggariskan beberapa inisiatif termasuklah Membangun dan Meningkatkan Literasi Digital di Kalangan Penjawat Awam di Semua Skim Perkhidmatan dan Gred. Literasi digital yang holistik amat signifikan dalam usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan memperkasakan perkhidmatan kerajaan digital.

YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. JAKIM sebagai agensi pusat dalam urus tadbir hal ehwal Islam menyahut aspirasi Kerajaan dengan menyemarakkan perkhidmatan digital untuk kegunaan rakyat dan jabatan-jabatan Kerajaan.
10. Sehingga kini, lebih 70 sistem/aplikasi ICT telah disediakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan di JAKIM dan jabatan agama Islam negeri-negeri (JAIN).
11. Manakala, terdapat beberapa lagi sistem/aplikasi ICT yang masih dalam peringkat perancangan dan pembangunan untuk memperkasakan perkhidmatan digital JAKIM. Antaranya ialah Kedai Buku Online, JAKIM Touch dan Portal MIIFA.

YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Selain usaha meningkatkan keupayaan digital, aspek tatacara dan kaedah 'bermuamalah' dengan teknologi digital ini juga adalah sangat penting.

13. Pegawai-pegawai kanan di JAKIM khususnya banyak terlibat dengan mesyuarat dan perbincangan yang melibatkan VIP dan juga maklumat-maklumat terperingkat. Justeru itu kaedah pengendalian dan penglibatan dalam program seumpama ini perlu merujuk dan berpandu kepada tatacara dan SOP yang standard bagi mengelak isu persekitaran bising, pemakaian yang tidak mengikut protokol program rasmi dan sebagainya.

14. Saya dimaklumkan aspek ini juga telah dibahas dan dibentangkan di dalam program ini.

YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Akhir kata marilah kita sama-sama menjayakan dan menyemarakkan inisiatif Kerajaan digital serta meningkatkan literasi digital untuk sentiasa menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Informasi Digital JAKIM Tahun 2021.

Terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhi Wabarakatuh.

-
- 01 Perkhidmatan dalam talian dan perkijidmatan digital melancar dan memudahkan urusan kerja.
 - 02 Aplikasi ICT boleh diakses dan digunakan dimana juga.
 - 03 Pelancaran MyDIGITAL dan Malaysia Digital Economy Blueprint, 19 Februari 2021.
 - 04 Transformasi Malaysia dalam dunia digital dan peneraju ekonomi digital di Asia Tenggara
 - 05 Meningkatkan Literasi Digital di Kalangan Penjawat Awam di Semua Skim Perkhidmatan dan Gred.
 - 06 JAKIM komited membangunkan perkhidmatan digital untuk rakyat
 - 07 lebih 70 sistem/aplikasi ICT dibangunkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan JAKIM
 - 08 Perancangan akan datang, Kedai Buku Online, JAKIM Touch dan portal MIIFA.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAKIM (JUN)

1. BERDOA

Terlebih dahulu saya bagi pihak pengurusan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah dan mendoakan warga JAKIM dan ahli keluarga yang dijangkiti dengan COVID-19. Bahkan ada kes kematian akibat COVID-19 yang melibatkan warga JAKIM iaitu Ustaz Datu Mohd Sadam bin Turan, yang berkhidmat di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Labuan, ada mantan warga JAKIM Almarhum Ustaz Abu Bakar Mohamad dan mungkin ada individu-individu lain.

Marilah sama-sama mengambil peluang seketika untuk membaca surah Al-Fatihah buat mereka semua. Al-Fatihah.

2. BERINTERAKSI DENGAN WARGA JAKIM

Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah SWT kerana:

- i. Dapat meneruskan perhimpunan bulanan JAKIM sebagai salah satu cara pihak pengurusan JAKIM berinteraksi dengan warga JAKIM di dalam dan di luar ibu pejabat; dan
- ii. Nikmat pekerjaan yang Allah kurniakan kepada kita kerana ada sebahagian saudara-saudara kita yang hilang pekerjaan, diberhentikan kerja, namun kita masih lagi mempunyai pekerjaan sama ada Bekerja Dari Rumah (BDR) maupun di pejabat.

3. PERGERAKAN PEGAWAI JAKIM

Alhamdulillah, sebentar tadi kita telah menyaksikan tayangan slaid Berita Semasa Pergerakan Warga JAKIM. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah serta selamat menjalankan tugas kepada semua yang terlibat. Ucapan tahniah khusus buat:

- i. YBhg. Dato' Selamat bin Paigo dari Pengarah Kanan Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM dilantik sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR),
- ii. YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee dari Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM,
- iii. YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said, dari Ketua Pengarah JAWHAR dilantik sebagai Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAKIM; dan
- iv. YBrs. Dr Muhammad Yamin bin Ismail dari Pengarah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dilantik sebagai Pengarah Kanan Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM

Sedikit masa lagi akan ada pengumuman pergerakan pegawai-pegawai yang lain pula apabila Pengarah Kanan Penyelidikan dan ILIM diisi serta akan melibatkan kekosongan di beberapa perjawatan yang ditinggalkan.

Ada juga yang bertanya, kenapa tidak diumumkan secara serentak sahaja nama-nama penyadang bagi jawatan yang masih kosong atau bakal berlaku kekosongan. Kenapa melambat-lambatkan proses dan melengah-lengahkan pengisian? Saya mohon kita semua sebagai warga JAKIM yang semangnya selama ini tinggi sifat sabarnya untuk tambahkan sedikit lagi tahap kesabaran tersebut kerana urusan sumber manusia di JAKIM khususnya melibatkan Skim PHEI memerlukan beberapa protokol yang perlu diikuti dan dipatuhi serta melibatkan banyak pihak. Kita merancang, pihak lain juga merancang, akhirnya perancangan yang Allah tentukan adalah yang terbaik buat kita.

4. PENSTRUKTURAN SEMULA JAKIM

Suka saya menarik perhatian warga JAKIM sekalian mengenai tindakan yang sedang diusahakan oleh pihak pengurusan yang turut menjadi keutamaan pihak YB Menteri kita mengenai penyusunan semula organisasi JAKIM. Usaha ini dibuat melibatkan semua bahagian di JAKIM bagi memastikan fungsi dan peranan JAKIM dapat diseimbangkan. Kita berdoa agar perkara ini dapat diselesaikan sebelum akhir tahun ini.

5. PENUBUHAN UNIVERSITI AL-QURAN

JAKIM juga sedang giat berusaha untuk merealisasikan penubuhan universiti pertama di bawah JAKIM iaitu Universiti Al-Quran (UNIQ). Walaupun usaha ini kelihatan sukar dan sulit untuk dicapai, namun atas semangat kita bersama, dipimpin dan dipandu oleh YB Menteri dan TB Timbalan Menteri, dengan restu YAB Perdana Menteri, insya-Allah perkara ini sama-sama kita doakan berjaya. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada urus setia di BDKI yang sedang bertungkus lumus dalam usaha dan harapan ini. Insya-Allah jika tiada aral melintang universiti ini akan dirasmikan sedikit masa sahaja lagi.

6. KESEGERAAN DALAM BERTINDAK

Izinkan saya berkongsi sedikit perasaan sebagai Ketua Jabatan dengan saudara dan saudari sekalian. Antara kegembiraan dan keterujaan seorang ketua kepada anak buahnya ialah:

- i. Kesegeraan dalam menyahut arahan;
- ii. Kesegeraan dalam mengambil tindakan terhadap arahan;
- iii. Kesegeraan dalam memberi progres laporan tindakan yang diambil;
- iv. Kesegeraan dalam menyiapkan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan atau kurang tempoh masa dan amat berkualiti.

Justeru, saya amat menaruh keyakinan tinggi bahawa anak-anak buah saya di JAKIM ini mempunyai ciri-ciri tersebut. Kita tidak mahu mendengar alasan yang remeh-temeh seperti PKP, BDR, dan seumpamanya bagi sesuatu tugas yang diberikan. Elakkan daripada mewujudkan stigma negatif diri kita masing-masing dalam menjalankan tugas dan kewajipan.

7. FOKUS DENGAN TUGAS PENJAWAT AWAM

Saya turut ingin menyeru dan mengingatkan seluruh warga JAKIM walau di mana sahaja berada agar kita kekal fokus dengan tugas dan peranan kita sebagai penjawat awam. Ini bermaksud, walau apa sekalipun situasi atau senario semasa yang berlaku dalam negara kita, sama ada dari sudut isu agama, sosial, ekonomi, kesihatan mahupun politik, kita sebagai penjawat awam tetap berpegang teguh dengan prinsip dan etika yang telah ditetapkan. Janganlah ada dalam kalangan kita yang tersilap langkah yang boleh memberi gambaran atau tafsiran negatif terhadap sebarang tindakan yang kita lakukan.

8. PETUGAS BARISAN HADAPAN JAKIM

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan syabas kepada warga JAKIM yang terlibat sebagai petugas barisan hadapan dalam memerangi pandemik COVID-19 ini. Ada antara mereka yang terlibat dalam Program Penempatan Penugasan Semula Secara Sementara, ada yang terlibat sebagai petugas pengurusan jenazah COVID-19, ada yang terlibat sebagai sukarelawan dan sebagainya. Tidak ketinggalan juga ada dalam kalangan kita yang terlibat secara belakang tabir menguruskan SOP mengenai aktiviti keagamaan dalam tempoh PKP ini sejak mula-mula PKP dilaksanakan pada Mac tahun 2020. Saban hari, siang dan malam bertungkus lumus menyiapkan deraf SOP bagi rujukan dan kemudahan rakyat setiap lapisan. Saya bangga dengan anda semua.

Sekian sahaja amanat saya pada kali ini. Terima kasih banyak-banyak kepada urus setia perhimpunan, BKP, Penyiaran, BPM, BKHL, UKK dan semua yang terlibat menjayakan majlis pada kali ini.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhi Wabarakatuh.

Warga JAKIM

di jangkiti COVID-19

01

NIKMAT
pekerjaan yang Allah kurniaan

02

Perlu bekerja
walaupun dari rumah

03

Pergerakan
pegawai JAKIM

04

Kenaikan
pangkat

05

Jawatan
yang kosong serta pengisian

06

Penstrukturan
semula JAKIM

07

Penubuhan
Universiti Al-Quran (UNIQ) yang pertama

08

Fokus
dengan tugas pejawat Awam kekal
fokus dengan tugas dan peranan kita
sebagai penjawat awam

SIMPOSIUM DUNIA DAKWAH DIGITAL INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH

YBhg. Datuk, Dato' Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Alhamdulillah, saya rafa'kan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat yang dikurniakan kepada kita semua, sehingga pada hari ini kita dapat menganjurkan Simposium Dunia Dakwah Digital secara talian.
2. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) kerana sudi merasmikan simposium ini.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Pengarah IPDAS dan ahli Jawatankuasa Simposium Dunia Dakwah Digital atas kejayaan penganjuran program kita pada hari ini.
4. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada para pembentang kertas, ketua-ketua jabatan serta wakil-wakil agensi yang menyertai simposium pada hari ini.

YBhg. Dato'/ Prof/ Dr./ Tuan/ Puan,

5. Saya difahamkan simposium seumpama ini julung kali diadakan oleh IPDAS yang bertujuan antara lain untuk memahami perubahan potensi dan cabaran dalam ekosistem dakwah digital.
6. Kita semua sedia maklum bahawa dunia hari ini bergerak dalam arus Revolusi Industri 4.0 yang antara lain menghubungkan dunia digital dan dunia nyata secara lebih pesat.
7. Justeru revolusi ini telah memberi kesan kepada seni berdakwah yang menuntut kita semua melakukan transformasi dalam penyampaian kandungan-kandungan dakwah kita.

8. Penganjuran simposium seperti ini bagi saya amat bertepatan dengan kehendak semasa agar pendekatan dakwah dapat dipelbagaikan supaya syiar Islam dapat disampaikan dengan berkesan serta menepati keperluan kelompok sasaran.

9. Selaras dengan cabaran baharu ini, saya juga telah dimaklumkan bahawa pihak IPDAS telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan satu program baharu iaitu Diploma Dakwah Digital. Simposium ini secara tidak langsung memberi peluang kepada IPDAS untuk mendapatkan input bagi membangunkan kerangka kurikulum dan kandungan program serta membina rangkaian strategik dengan pihak-pihak berkepentingan.

YBhg. Dato'/ Prof/ Dr./ Tuan/ Puan,

10. Pada hari ini saya dimaklumkan sebanyak 4 kertas akan dibentangkan. Bermula dengan penjelasan berkenaan ekosistem dan cabaran dunia dakwah digital. Diikuti dengan kertas berkaitan cabaran di peringkat pendidikan tinggi untuk melihat keperluan dakwah dan tuntutan aspek komersil dalam industri digital. Begitu juga dengan peranan penggiat seni dan karyawan dalam dakwah digital serta potensi dakwah digital dalam industri penyiaran di negara kita.

11. Semoga simposium pada kali ini, dapat memberikan impak positif terhadap aktiviti dakwah di negara kita dalam kerangka menyempurnakan aspirasi JAKIM menuju 2030 antaranya untuk memartabatkan syiar Islam berteraskan nilai Rahmah melalui pembangunan modal insan yang sempurna dari sudut akidah, ilmu dan akhlak.

12. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, kerana sudi merasmikan simposium pada hari ini. Terima kasih juga kepada para pembentang dan penyumbang artikel dalam prosiding simposium ini. Begitu juga kepada semua pihak yang bertungkus-lumus menjayakan program ini.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum
WarahmatullAhi Wabarakatuh.

Simposium Dunia Dakwah Digital IPDAS

Dirasmikan oleh YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana menteri (Hal Ehwal Agama)

Perubahan potensi
dan cabaran
ekosistem dakwah
digital

Revolusi Industri
4.0 dengan
menghubungkan
dunia digital dan
dunia nyata

Memperkenalkan
program baharu
Diploma Dakwah
Digital

Kepelbagaiannya medium
penyampaian dakwah
kepada masyarakat

Transformasi
dalam
penyampaian
kandungan
dakwah



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAKIM (JULAI)

MUKADIMAH

1. BERSYUKUR

Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat yang telah dikurniakan kepada kita semua maka hari ini kita dapat bertemu lagi menerusi Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM bagi Julai 2021. Syabas dan tahniah kepada pihak urus setia yang istiqamah menjadualkan majlis ini tanpa gagal. Terima kasih juga kepada seluruh warga JAKIM kerana sentiasa memberi keutamaan untuk hadir ke pertemuan ini secara maya.

2. FEEL GOOD STORY JAKIM

Alhamdulillah, sebentar tadi kita telah menyaksikan tayangan slaid program dan yang telah dianjurkan oleh JAKIM sebulan yang lalu. Syabas dan tahniah saya ucapkan atas kesungguhan dan komitmen tuan-tuan semua menjayakan program yang telah dirancang. Walaupun kita menghadapi kesulitan berikutan wabak COVID-19 ini, ia tidak bermakna tugas dan perkhidmatan yang kita berikan kepada rakyat tidak dapat disempurnakan.

3. PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

Seperti kita sedia maklum, Negara kita sedang melalui proses Pelan Pemulihan Negara (PPN) seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. PPN adalah merupakan suatu perancangan pihak kerajaan untuk mengeluarkan Malaysia daripada kemelut pandemik COVID-19 dengan selamat. Berdasarkan pelan ini, kita akan melalui 4 fasa sebelum pandemik ini berubah kepada endemik. Indikator yang digunakan di dalam setiap fasa PPN ini bergantung kepada 3 nilai ambang iaitu :

- i. Kes harian;
- ii. Penggunaan ICU; dan
- iii. Populasi divaksinasi.

4. PATUH SOP

Bagi memastikan nilai ambang ini berubah untuk membawa Negara kita berubah dari fasa ke fasa yang ditetapkan, seterusnya kita berjaya keluar dari pandemik ini, maka ia bergantung kepada usaha kita semua dalam mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Mungkin kita sudah terlalu lama melalui tempoh pandemik ini menyebabkan kadang-kadang kita lupa dan lalai kepada pematuhan SOP dan ini sudah pasti akan membawakan diri kita terdedah kepada bahaya wabak ini ini.

5. VAKSINISASI

Selain daripada itu, usaha kerajaan untuk meningkatkan peratus populasi divaksin juga menjadi nilai utama untuk mencapai matlamat ini. Justeru, saya ingin merayu kepada semua warga JAKIM untuk mendaftarkan diri untuk menerima vaksin COVID-19 ini. Saya sebut ini kerana saya menerima laporan bahawa terdapat sejumlah warga JAKIM yang masih belum membuat pendaftaran untuk divaksin melalui aplikasi MySejahtera.

Selain itu, saya juga menyeru semua warga JAKIM, untuk bertanya khabar ahli keluarga, sanak saudara kita di kampung atau di mana sahaja supaya sama-sama kita pastikan mereka juga turut mendaftarkan diri sebagai penerima vaksin. Semoga pada usaha kita ini turut dikira sebagai amal khair yang akan mendapat ganjaran dari Allah SWT.

6. KEHADIRAN FIZIKAL KE PEJABAT

Saudara dan saudari sekalian,

Pada minggu lepas, YBhg. Tan Sri Dato' Seri KSN telah mengeluarkan pekeliling kepada semua penjawat awam untuk meningkatkan jumlah kapasiti hadir bertugas secara fizikal di pejabat mulai 26 Julai 2021. Iaitu dari 20 % kepada tidak lebih 40 %. Ini bagi memastikan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dapat dioptimumkan.

Walaupun begitu, yang lebih utama juga ialah langkah-langkah keselamatan yang perlu diberi perhatian oleh kita semua. Justeru, pihak pengurusan JAKIM telah mengeluarkan satu pekeliling khusus mengenai perkara ini bagi memastikan arahan YBhg. Dato Seri KSN dapat dipatuhi dan dalam masa yang sama langkah-langkah keselamatan dapat diberi perhatian sewajarnya.

7. MASYARAKAT PRIHATIN

Saudara dan Saudari Sekalian,

Pada kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk menyampaikan pesanan dan harapan *stakeholders* kita khususnya YB Menteri dan YB Timbalan Menteri agar kita semua warga agensi agama dapat memainkan peranan kita masing-masing sebagai penjawat awam yang prihatin walau di mana sahaja kita berada. Sama ada kita berada di ibu pejabat Putrajaya, cawangan-cawangan JAKIM di luar ibu pejabat, kader-kader di agensi luar, hatta di Australia, Indonesia, Mesir dan di mana sahaja.

Seboleh-bolehnya kita perlu tanamkan dalam diri kita dan menjadi prinsip hidup kita bahawa hidup kita ini bukanlah hanya untuk kita fikirkan hal diri kita sendiri sahaja. Sebaliknya kita dituntut untuk mengambil tahu dan peduli akan hal ehwal orang di sekeliling kita seperti ahli keluarga yang jauh mahupun dekat, jiran tetangga (muslim mahupun non muslim), hal ehwal agama, bangsa dan Negara kita sendiri.

Tuntutan untuk kita sama-sama menghayati budaya prihatin ini betepatan dengan sebuah hadith saih yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim, (“Sebaik-baik manusia dari kalangan kamu ialah orang yang paling banyak manfaatnya bagi orang lain.”) Berdasarkan hadith ini, manusia yang dimuliakan Allah SWT ialah orang yang sentiasa berbuat kebaikan dan perkara itu memberi manfaat kepada orang di sekelilingnya.

Manfaat yang dimaksudkan dalam hadith ini bukanlah hanya terhad kepada memberi sesuatu seperti harta, barang atau pertolongan

sahaja. Malah, ia mempunyai maksud yang begitu luas. Contohnya, memberi tunjuk ajar dengan ilmu, memberi nasihat dan kata-kata semangat, bahkan jika hanya memberi senyuman yang ikhlas sahaja pun sudah dikira memberi manfaat kepada orang lain.

Kita perlu ingat bahawa keperluan setiap orang adalah tidak sama. Mungkin seseorang tidak memerlukan ilmu kerana dia sudah memiliki ilmu. Ada pula yang tidak memerlukan harta kerana dia sudah berharta. Namun, dari aspek lain barangkali, individu itu berasa terasing walaupun sudah memiliki segalanya kerana dia tiada keluarga atau saudara-mara ataupun dia tiada kasih sayang dan tempat berkongsi perasaan. Dalam hal ini, individu itu sebenarnya memerlukan kasih sayang dan kepedulian daripada kita iaitu orang yang berada di sekelilingnya. Oleh itu, manfaatkanlah hidup kita dengan sebaik-baiknya. Biarlah apa yang kita lakukan turut memberi manfaat kepada orang lain.

Dalam suasana pandemik pada saat dan ketika ini, perhatikanlah orang yang berada di sekeliling kita. Mungkin rakan sekerja kita, mungkin adik beradik kita, mungkin jiran tetangga kita yang sedang berada dalam kesusahan dan kesempitan. Jadilah kita sebagai orang yang dapat memberi manfaat kepada orang di sekeliling kita. Jadilah orang yang peduli dengan nasib orang di sekeliling kita.

Maka dengan sebab itu, YB Menteri kita sentiasa berpesan agar perbanyakkan inisiatif dalam memberi bantuan kecaknaan ini. Alhamdulillah, kita di JAKIM ini sentiasa berusaha khususnya melalui Tabung Musaadah COVID-19 JAKIM-YWM untuk menyalurkan bantuan sebaik mungkin kepada golongan yang terjejas termasuklah dalam kalangan warga JAKIM yang ditimpa musibah. JAKIM juga melalui Bahagian KSK ada mewujudkan Talian MyCareCov19 bagi menyalurkan bantuan



spiritual kepada golongan yang memerlukan. Setiap hari berpuluhan-puluhan kes yang masuk melalui talian tersebut dan kita berusaha untuk menyelesaikan masalah mereka. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pasukan KSK.



Selain itu, saya perhatikan media sosial rasmi JAKIM juga banyak memaparkan bahan-bahan yang mendidik jiwa masyarakat dengan paparan dan siaran doa harian yang dipetik dari al-Quran dan al-hadith, kata-kata semangat, motivasi dan sebagainya. Saya perhatikan masyarakat netizen gemar paparan seperti ini dan mereka memberikan *like* melebihi seribu setiap kali JAKIM memuat naik di media sosial. Dalam kesempatan ini juga , saya ingin menyeru semua warga JAKIM untuk turut serta mengikuti media sosial rasmi JAKIM dengan cara *like* dan *follow* FB, instagram, twitter, youtube, telegram dan yang terbaru diwujudkan ialah aplikasi TikTok dengan nama myjakim. Saya sudah lihat kandungan dan paparan dalam Tiktok JAKIM dan Alhamdulillah ada peningkatan jumlah pengikutnya dari semasa ke semasa. Syabas dan tahniah kepada UKK.

Akhir sekali, marilah sama-sama kita berdoa agar diri kita, ahli keluarga, masyarakat dan rakyat negara kita seluruhnya, terhindar daripada segala wabak penyakit berbahaya khususnya COVID-19. Kita juga turut merakamkan doa khususnya kepada *frontliners* yang setiap saat dan detik mencurahkan jasa dan bakti berjuang melawan pandemik ini. Tidak ketinggalan, marilah sama-sama kita titipkan doa buat para pemimpin negara kita agar bersatu hati, seia sekata dalam mencari jalan terbaik untuk keluar dari segala masalah dan kekusutan yang sedang dihadapi oleh kita semua. Semoga Allah merahmati juga.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhi Wabarakatuh.

YAB Menteri

telah mengumumkan PPN

Perancangan pihak kerajaan untuk mengeluarkan Malaysia daripada kemelut pandemik COVID-19 yang terdiri daripada 4 fasa yang terdiri daripada 3 indikator iaitu:-

Kes harian

Penggunaan ICU

Populasi vaksinasi



Warga JAKIM dimohon untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan di tempat kerja/luar waktu kerja



Vaksinasi – Warga JAKIM perlu mendaftarkan diri dalam program vaksinasi melalui MYSejahtera supaya PPN ini berjaya dilaksanakan berdasarkan kepada peratusan pendaftaran



Kehadiran fizikal ke tempat kerja 40% seperti yang telah diumumkan oleh KSN untuk mengoptimumkan perkhidmatan kerajaan.

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP BENGKEL TAFSIR PIMPINAN AR-RAHMAN VERSI RUMI BAHRU TAHUN 2021/1442

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin daripadaNya, kita dapat bersama-sama menjayakan Bengkel Pentashihan Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al- Quran (TPR) versi rumi baharu pada kali ini.
2. Tahniah kepada Bahagian Penerbitan dan Syarikat Rimbulan Islamik Media Sdn. Bhd. kerana berjaya menganjurkan bengkel akhir semakan dan pentashihan ini. Saya percaya bahawa kerja-kerja semakan terhadap kitab ini bukanlah suatu kerja yang mudah kerana ia merupakan salah sebuah kitab klasik yang yang dihasilkan sejak tahun 1960-an lagi. Sungguhpun begitu, kitab ini telah melalui pelbagai evolusi penerbitan sehingga ia berjaya diterbitkan sebanyak 22 kali hingga sekarang. Dan naskah edisi kemas kini yang bakal ada di tangan kita ini merupakan edisi ke 23 dengan spesifikasi paling mantap dan terbaru.
3. Sehubungan itu, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Ashabus Samahah Dato'-Dato' Mufti, Panel Pruf Kritis JAKIM, Pengarah-pengarah Bahagian dan semua para peserta yang hadir memberikan sumbang saran idea penambahbaikan edisi kemas kini kitab ini. Tanpa komitmen dan kerjasama Dato'-Dato' dan tuan-puan sekalian, maka hasrat JAKIM untuk mewujudkan kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman versi baharu pasti tidak akan tercapai.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Al-Quran yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW merupakan dasar perundangan tertinggi dan sumber pengetahuan utama untuk dipelajari dan dihayati oleh setiap muslim. Justeru, setiap individu muslim yang cintakan agamanya perlu meluangkan masa, tenaga dan usaha untuk mempelajari, mengkaji dan menganalisis

kandungan kitab suci ini melalui kitab-kitab tafsir muktabar. Hal ini penting supaya kandungan al-Quran al-Karim dapat dihayati dengan baik, tepat dan benar menurut kerangka epistemologi ilmu Ahli Sunnah Wal Jamaah. Seterusnya ia dapat dijadikan momentum bagi menjana pembangunan modal insan berkualiti negara.

5. Antara kitab tafsir yang menepati ciri Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran yang dikarang oleh al-Marhum Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih. Beliau seorang penulis yang prolifik, mampu menghuraikan maksud ayat secara ringkas dan padat serta berjaya menghasilkan naskah sulung dalam tulisan Jawi semenjak tahun 1968. Selain itu, beliau juga begitu gigih menyelenggara penerbitan kitab ini ke dalam tulisan Rumi sehingga ia berjaya diterbitkan kali pertama pada tahun 1980. Semenjak itu, kitab ini menjadi rujukan utama umat Islam dalam memahami pengertian al-Quran di negara kita.
6. Kini, penerbitan kitab ini diberi nilai tambah dengan paparan yang lebih kemas, reka bentuk yang menarik dan penggunaan gaya bahasa kontemporari menurut gaya penulisan Dewan Bahasa dan Pustaka dan gaya JAKIM. Ternyata dua gaya penulisan ini saling melengkapi antara satu sama lain dengan kombinasi pemurnian aspek bahasa dan gaya penulisan Islamik. Oleh yang demikian, saya yakin dan percaya kitab ini pasti mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada seluruh lapisan masyarakat Muslim nusantara.
7. Justeru, bagi meningkatkan kelestarian ilmu dan syiar Islam di negara ini, saya bercita-cita agar kitab ini dijadikan modul tadabbur al-Quran selepas solat subuh dan asar di Masjid dan Surau seluruh negara. Projek perintis membudayakan al-Quran ini boleh dimulakan di Wilayah Persekutuan dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat sehingga kita bertemu dengan Allah dengan jiwa yang sejahtera. Insya Allah.

8. Saya berharap agar edisi terbaru ini berjaya menarik minat pembaca untuk mengambil manfaat daripada kitab ini, berupaya memartabatkan Bahasa Melayu dan tulisan Jawi serta berkemampuan meningkatkan kelestarian syiar Islam di negara ini melalui majlis ilmu. Hanya Allah jua yang mampu membala jasa baik dan pengorbanan penulis, pentashih, penerbit dan semua pihak yang bertungkus lumus menjayakan proses penerbitan kitab ini. Semoga usaha kita untuk melahirkan umat rabbani dan negara harmoni akan terus diredhai Allah SWT dan dicatatkan sebagai amal jariah yang berterusan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada Bahagian Penerbitan, Bahagian Penyelidikan, Ashabus Samahah Dato-Dato Mufti, panel Pruf Kritis JAKIM, Syarikat Rimbunan Islamik Sdn Bhd. dan semua pihak yang terlibat bagi menjayakan proses penerbitan kitab ini. Jazakumullah khayran kathiran. Barakallahu fikum. Semoga hidup kita semua akan sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah SWT.

Mengakhiri ucapan saya, dengan lafaz Bismillahirahmanirahim saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutup Bengkel Pentashihan Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran pada kali ini.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhni Wabarakatuh.

Penerbitan Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (TPR) versi rumi.

1

kitab klasik yang yang dihasilkan sejak tahun 1960-an

kitab ini telah melalui pelbagai evolusi penerbitan sehingga ia berjaya diterbitkan sebanyak 22 kali

3

Edisi ke 23 dengan spesifikasi paling mantap dan terbaru.

2

Penerbitan Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran (TPR) versi rumi.

5

kitab klasik yang yang dihasilkan sejak tahun 1960-an

4

7

Edisi ke 23 dengan spesifikasi paling mantap dan terbaru.

6

kitab ini telah melalui pelbagai evolusi penerbitan sehingga ia berjaya diterbitkan sebanyak 22 kali

FORUM BERDAKWAH DI ERA PANDEMIK COVID-19
PENGALAMAN NEGARA MABIMS
(PERTEMUAN TAHUNAN TIDAK RASMI
MENTERI-MENTERI AGAMA)

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, JAKIM dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) berjaya merealisasikan forum dengan tajuk Berdakwah Di era Pendemik COVID-19 : Pengalaman Negara MABIMS. Tahniah dan syabas saya ucapkan di atas penganjuran ini.

PANDEMIK COVID-19 MENGUBAH RUTIN KEHIDUPAN DALAM NORMA BAHARU

2. Penghujung akhir tahun 2019, dunia dikejutkan dengan penyebaran virus COVID-19. Situasi yang sedang kita lalui ini pastinya tidak pernah terbayang di minda kita . Kes yang bermula dari sebuah negara kini akhirnya telah merebak ke seluruh dunia menjadi pandemik dan setakat ini telah mengorbankan jutaan nyawa. Ramai yang telah hilang pekerjaan dan tidak kurang juga yang terpaksa mengubah gaya hidup sesuai dengan perubahan semasa yang sedang kita alami ini.

PELAKSANAAN AKTIVITI SECARA KREATIF SELARI DENGAN KEMAJUAN MULTIMEDIA

3. Dalam konteks tugasan sebagai institusi yang mentadbir hal ehwal Islam ini, kita juga tidak terlepas dari keperluan beradaptasi. Kalau dulu aktiviti agama dan dakwah rancak dijalankan secara bersemuka, namun kali ini semuanya perlu dijalankan melalui medium secara maya atau *online*. Justeru selain kemahiran dari segi mengendali teknologi baharu, kandungan program itu sendiri pastinya harus lebih kreatif dan menarik, supaya medium baharu ini mampu menjadi alternatif atau bahkan norma baharu yang akan terus kita jalani selepas ini.

YBhg. Dato' Tuan-tuan/ Puan-puan yang dirahmati Allah

KESEPAKATAN DALAM MENANGANI ISU UMMAH

4. Untuk pengajuran forum pada kali ini, Malaysia bertindak sebagai *host* dengan menghimpunkan keanggotaan negara MABIMS sebagai tanda kesepakatan demi mencapai visi dan misi keanggotaan dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh umat Islam.
5. Saya yakin kesemua pembentang-pembentang sama ada dari Brunei, Indonesia dan Singapura mempunyai pengalaman, metod dan pendekatan dakwah masing-masing dalam situasi pandemik ini yang boleh kita manfaatkan bersama.

YBhg. Dato' Tuan-tuan/ Puan-puan yang dirahmati Allah

PERKEMBANGAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0

6. Seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang menekankan aspek interaksi digital telah mewujudkan satu fenomena gaya hidup masyarakat yang kebanyakannya terdiri dari generasi baharu yang lebih tertarik dengan kandungan yang kreatif dan mampu diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja.
7. Oleh itu para pendakwah sewajarnya lebih ke hadapan dengan mempelbagaikan maklumat dakwah melalui pendekatan dakwah yang lebih santai, ringkas, interaktif dan menarik minat pelbagai golongan terutama golongan muda seperti tazkirah pendek, kapsul dakwah, sketsa dan drama pendek, bukan hanya sekadar melalui telefon, SMS, e-mel, WhatsApp, Telegram, malah diperluaskan dalam Instagram, Twitter, YouTube, WeChat, Facebook, Bigo live, Tik Tok dan seumpamanya.

YBhg. Dato' Tuan-tuan/ Puan-puan yang dirahmati Allah.

PANDEMIK COVID19 DARI SUDUT PANDANG POSITIF

8. Disaat ramai pihak yang tertekan dengan pelbagai ujian dan cabaran hidup khususnya sepanjang pandemik ini, kita sewajarnya menggunakan situasi ini sebagai peluang untuk menyebarkan dakwah dan kefahaman Islam yang sebenar. Saya mengambil peluang untuk berkongsi beberapa hikmah di sebalik ujian pandemik COVID-19 yang boleh kita uar-uarkan.
 - i. Memberi ruang untuk muhasabah diri dan berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan kepada diri dan masyarakat;
 - ii. Bersama melakukan transformasi diri, minda dan sikap ke arah yang lebih baik dan menghargai segala nikmat kurniaan Allah;
 - iii. Mewujudkan sikap prihatin dan saling bantu membantu terhadap golongan yang kurang bernasib baik;
 - iv. Peluang untuk lebih meneroka dan saling kreatif seiring dengan kemajuan dalam penggunaan multimedia; dan
 - v. Saling berkongsi kepakaran dalam bidang tertentu demi mencapai hala tuju yang sama iaitu mengembalikan imej dan ketamadunan umat islam di mata dunia.

YBhg. Dato' Tuan-tuan/ Puan-puan yang dirahmati Allah.

HARAPAN

Akhir kalam saya mengharapkan agar program kita pada hari ini akan membawa idea-idea dan cadangan bernalas yang boleh dimanfaatkan bersama di samping memberi inspirasi kepada semua pendakwah untuk meningkatkan daya kreatif berdakwah dalam usaha untuk menarik masyarakat mengikuti program dakwah yang dijalankan secara alam maya.

Selamat berforum buat semua.


Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhi Wabarakatuh, terima kasih.

Forum:

Berdakwah di Era Pandemik
Covid-19 Pengalaman
Negara MABIMS

Negara MABIMS

- i. Malaysia
- ii. Indonesia
- iii. Brunei Darussalam
- iv. Singapura



PENGALAMAN MABIMS

1 Pandemik Mengubah Rutin Kehidupan Dalam Norma Baharu

Penjarakan Sosial, Kebersihan dan Pemakaian Penutup Separuh Muka dan lain-lain SOP

2 Pelaksanaan Aktiviti Secara Kreatif Selari dengan Kemajuan/ Perkembangan Multimedia/Teknologi

Pelaksanaan aktiviti dakwah dan keagamaan dijalankan melalui medium alam maya

3 Kesepakatan Dalam Menangani Isu Ummah Negara MABIMS

Kaedah pendekatan serta pengalaman dakwah negara MABIMS

4 Perkembangan Revolusi Industri 4.0

Pelbagaiakan maklumat dakwah lebih ringkas,santai, interaktif bagi menarik minat pendengar melalui saluran media sosial (WhatsApp, Youtube, Twitter, Facebook) dan lain-lain aplikasi. Pandemik COVID-19 dari Sudut Positif

- Memberi ruang muhasabah diri
- Melakukan transformasi diri kearah yg lebih baik
- Wujudnya sikap prihatian dan saling bantu-membantu
- Peluang meneroka bidang yang lebih kreatif seperti penggunaan media sosial sebagai platform komunikasi dan penyampaian maklumat
- Saling berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang tertentu.

Harapan Pelaksanaan Forum

Program ini dapat membawaikan idea-idea dan cadangan yang berasas kepada pendakwah untuk meningkatkan kaedah daya kreatif berdakwah di negara masing-masing.

MAJLIS IHTIFAL KAFA PERINGKAT NEGERI SABAH TAHUN 2021

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan inayahNYA kita dapat menempuh tahun 2021 dengan tekad dan azam untuk menjana kecemerlangan yang dicita-citakan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohd Arifin bin Haji Mohd Arif Menteri Tugas-Tugas Khas Sabah di atas kesudian melapangkan masa hadir bersama dalam majlis ini.

Saya juga mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengarah JAKIM Cawangan Sabah dalam merancang dan mengadakan Majlis Ihtifal KAFA Peringkat Negeri Sabah tahun 2021 yang julung kalinya diadakan secara dalam talian.

Yang Berhormat Datuk, sebagai makluman program ini adalah merupakan program yang menjadi satu platform pertemuan di antara semua murid, guru-guru KAFA, ibu bapa dan pemimpin di peringkat negeri. Majlis ini juga diadakan sebagai motivasi dalam menyantuni murid-murid KAFA serta ibubapa dalam pencapaian akademik dan Ko-Kurikulum.

Saya percaya penganjuran majlis ini bukan sekadar untuk meraikan kejayaan anak-anak menamatkan pengajian bacaan Al-Quran, namun apa yang paling penting adalah mesej yang hendak disampaikan dan pengertiannya kepada kita disamping dalam usaha memperkuatkan perpaduan dalam masyarakat melalui program ini. Penghayatan kepada isi kandungan ayat-ayat suci Al-Quran juga akan memberi kita inspirasi dan galakan untuk lebih berusaha mendekatkan diri kepada Ilahi dan menguasai segenap bidang ilmu

pengetahuan. Ini kerana Al-Quran banyak mengajak dan menyeru manusia untuk menimba dan memartabatkan ketinggian ilmu dalam kehidupan. Seperti ayat Al-Quran yang diturunkan kepada manusia yang bermaksud;

“Wahai orang yang beriman! Apabila dikatakan kepadamu: “Berilah kelapangan di majlis-majlis,” maka lapangkanlah, nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan, “Berdirilah kamu,” maka berdirilah, nescaya Allah akan mengangkat (darjat) orang yang beriman diantaramu dan orang yang diberi ilmu beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti akan apa yang kamu kerjakan. (Surah al-Mujadalah : Ayat 11).

Yang Berhormat Datuk, majlis ini telah bermula sejak 6 - 8 Ogos 2021 yang melibatkan seramai 36 orang murid KAFA dari seluruh negeri Sabah. Antara acara yang telah dilaksanakan ialah;

1. Tilawah Al-Quran
2. Hafazan
3. Syarahan

Yang Berhormat Datuk, program pada kali ini tidak melibatkan penyertaan yang ramai dari murid KAFA kerana mengambil kira situasi semasa pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia khususnya di Malaysia dengan kenaikan kes yang mendadak. Oleh itu, JAKIM Sabah mengambil langkah dalam memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dengan mengadakan program ini secara dalam talian. Peserta yang berjaya akan mewakili negeri Sabah dalam Majlis Ihtifal KAFA Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan pada 18 – 20 Oktober 2021.

Yang Berhormat Datuk, sebagai maklumat tambahan, jumlah kuota guru KAFA Sabah adalah seramai 2,490 manakala pengisian sedia ada seramai 2,302 orang dengan melibatkan pembayaran elaun tahunan sebanyak RM29,944,320.00. JAKIM juga mengambil serius berkaitan masalah kebijakan melalui caruman faedah yang diberikan oleh PERKESO.

Adalah menjadi harapan saya dan jabatan agar guru-guru terus meningkatkan kualiti dan mutu kerja masing-masing dalam menyantuni pelajar dan masyarakat.

Saya dan jabatan ini meletakkan sejuta harapan agar warga KAFA khususnya di negeri Sabah bersama-sama berganding bahu dalam memastikan ajaran Islam dapat dihayati berasaskan fahaman Ahli Sunnah al Jamaah (ASWAJA) serta memiliki keseimbangan di antara intelektual, kerohanian, emosi dan jasmani di samping sama-sama merealisasikan tema Ma'al Hijrah tahun ini iaitu "Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti".

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam menjayakan majlis ini. Sesungguhnya besar harapan saya agar anak-anak KAFA di Malaysia khususnya di negeri Sabah berjaya bukan sekadar dalam bidang akademik tetapi juga cemerlang dari sudut akhlak dan sahsiah sesuai dengan apa yang diajarkan oleh Nabi kita Muhammad S.A.W.

Pada kesempatan ini sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohd Ariffin bin Haji Mohd Arif, Menteri Tugas-Tugas Khas Sabah di atas kesudian menyempurnakan Majlis Perasmian Ihtifal KAFA Peringkat Negeri Sabah Tahun 2021.

JAKIM juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk dan Kerajaan Negeri kerana sentiasa memberi perhatian kepada JAKIM Sabah.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Majlis Ihtifal KAFA

Peringkat Negeri Sabah 2021

01

Platform pertemuan antara murid-murid KAFA, ibubapa dan pemimpin peringkat negeri

Sebagai motivasi menyatuni murid-murid KAFA dan ibubapa dalam pencapaian akademik dan kurikulum

02

03

Meraikan kejayaan menamatkan pengajian Al-Quran

Program pengukuhan perpaduan masyarakat

04

Program bermula sejak 6-8 Ogos 2021

Penglibatan 36 orang murid KAFA seluruh Sabah

Peserta yang Berjaya akan mewakili Sabah ke Majlis Ihtifal KAFA Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada 18-20 Oktober 2021.

HARAPAN



01

Guru-guru KAFA terus meningkatkan kualiti mutu kerja



02

Warga KAFA Sabah perlu berganding bahu memastikan ajaran Islam berdasarkan ASWAJA

03

Anak-anak KAFA perlu berjaya dalam bidang akademik dan sahsiah



SEMPENA WEBINAR FALAK NUSANTARA 1443H DAN MAJLIS PENUTUP BULAN FALAK MALAYSIA 2021

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam sesi webinar sempena Seminar Falak Nusantara 1443H. Program webinar ini julung kali melibatkan penyertaan penceramah dan peserta secara atas talian dari kalangan negara-negara nusantara khususnya dari Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura.
2. Penyusunan dan penyediaan takwim perlu dilakukan oleh ahli falak iaitu mereka yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam ilmu falak. Secara pentadbirannya di Malaysia, ia dikeluarkan oleh JAKIM. Satu jawatankuasa di peringkat JAKIM yang dikenali sebagai Panel Pakar Falak bertanggungjawab membantu menyedia dan meneliti Takwim Hijri pada setiap tahun.
3. Pada peringkat negeri perkhidmatan falak secara strukturnya diletakkan di bawah Jabatan Mufti Negeri-Negeri bagi memberi panduan serta perkhidmatan kepada masyarakat dalam urusan berkaitan cerapan anak bulan, cerapan gerhana, penentuan dan pengesahan kiblat, pengajian dan pendidikan falak, penyediaan Jadual Waktu Solat dan sebagainya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Webinar Falak Nusantara 1443H ini merupakan program kemuncak sempena sambutan Bulan Falak Malaysia 2021 yang telah dirasmikan oleh mantan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri pada 30 Zulhijjah 1442H yang lepas.

5. Antara objektif utama penganjuran webinar ini adalah:
 - i. Meningkatkan kemahiran dan penguasaan masyarakat dalam ilmu falak;
 - ii. Menyampaikan maklumat mengenai Kriteria Imkanur Rukyah Baharu; dan
 - iii. Mengisytiharkan penggunaan Kriteria Imkanur Rukyah Baharu di Malaysia kepada seluruh Jabatan Mufti Negeri-negeri dan negara ahli MABIMS.
6. Saya bagi pihak JAKIM dan negara Malaysia mengucapkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penceramah-penceramah dan moderator negara anggota MABIMS dari Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura dan Malaysia atas perkongsian perkembangan falak di negara masing-masing terutamanya berkaitan Kriteria Baharu Imkanur Rukyah dalam Webinar Falak Nusantara 1443H kali ini.
7. Malaysia mengimplementasikan penggunaan Kriteria Baharu Imkanur Rukyah (iaitu hilal boleh kelihatan ketika matahari terbenam, tinggi 3 darjah dan elongasi 6.4 darjah) selaras keputusan Mesyuarat SOM (*Senior Officer Meeting*) ke-44 di Republik Singapura yang telah bersidang pada 12-14 November 2019 bermula Muharam 1443H (tahun 2021).
8. Pelaksanaan ini dirakamkan sejarahnya dengan sambutan Bulan Falak Malaysia 2021 yang telah dijalankan sepanjang bulan Muharam 1443H pada tahun ini. Bulan Falak Malaysia 2021 kali ini telah berjaya memperkasakan aktiviti falak di peringkat kebangsaan dan negeri yang berbentuk pendidikan, pendedahan dasar dan ketetapan baharu kerajaan dalam hal ehwal falak, pengaplikasian ilmu falak dalam ibadah dan pelancaran penggunaan Kriteria Imkanur Rukyah Baharu mulai Muharam 1443H.

9. Sebanyak 10 program peringkat kebangsaan dan lebih 30 program dan aktiviti di peringkat negeri telah berjaya dilaksanakan mengikut perancangan di bawah Bulan Falak Malaysia 2021. Antara program tersebut adalah:

- i. Lintas langsung Aktiviti Cerapan Hilal Muharam Antara Negeri-negeri di Malaysia & Indonesia – 9 Ogos 2021
- ii. Perkongsian Proses Cerapan Hilal dan Pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja di Malaysia.
- iii. Tadabur Ayat Falak dan Kuiz Terkumpul – setiap Sabtu / Ahad sepanjang bulan Muharam 1443H
- iv. Jejak Falak Nusantara yang menampilkan Tokol Falak di Nusantara – setiap Khamis sepanjang bulan Muharam 1443H
- v. Mini Olimpiad Falak Malaysia – 28 Ogos 2021
- vi. Khutbah Khas Falak – Tayangan RTM TV1.
- vii. Info Falak Masjid
- viii. Pertandingan Tik Tok Falak
- ix. FAQ Istilah Falak
- x. Bicara Santai Falak
- xi. Video Pendidikan Falak
- xii. Kembara Alam Semesta
- xiii. Webinar Falak Nusantara 1443H – hari ini

Alhamdulillah, kesemua program tersebut telah mendapat sambutan dan penyertaan yang amat menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada pakar dan cendiakawan falak, pensyarah dan mahasiswa universiti, pelajar-pelajar, pengiat falak, masjid-masjid serta orang awam.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. JAKIM juga sentiasa bergerak selari dengan perkembangan dunia teknologi dalam menyediakan perkhidmatan di hujung jari. Pelbagai aplikasi falak disediakan bagi panduan dan rujukan masyarakat seperti MySolat dan MyRHK. Aplikasi MySolat telah berjaya dicapai dan dimanfaat sejak dilancarkan penggunaannya pada tahun 2018 seramai lebih 36 juta pengunjung di mana kini secara puratanya 1 juta pengunjung setiap bulan.

11. Pada hari ini, JAKIM akan melancarkan lagi satu lagi aplikasi baru iaitu MyRHK (Malaysia Rukyah Hilal Kebangsaan) di mana ianya akan memaparkan hasil cerapan hilal dan maklumat bergambar yang dilaksanakan di semua lokasi cerapan rasmi seluruh Malaysia. Ianya dijangka dapat dimanfaatkan oleh Pegawai Falak Jabatan Mufti Negeri-Negeri, Penyelidik Falak, masyarakat awam dalam dan luar negara. JAKIM berharap MyRHK ini akan turut diperluaskan penyertaannya dengan perkongsian maklumat hilal di nusantara iaitu anggota negara MABIMS.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Saya yakin ilmu dan bidang falak ini akan mendapat perhatian dan tempat yang sesuai selaras peranannya dalam sejarah perkembangan dan kegemilangan Tamadun Islam, ditambah dengan perkembangan teknologi sains angkasa. JAKIM selaku agensi kerajaan di peringkat Persekutuan akan memenuhi keperluan / kekuatan manpower (pegawai falak) dan meningkatkan usaha penyelarasan bagi memenuhi serta memartabatkan aktiviti falak secara lebih bersepadu dan komprehensif agar negara kita dapat menjadi pusat rujukan falak di peringkat nusantara dan antarabangsa.

13. Bulan Falak Malaysia setiap kali bulan Muharam ini juga akan terus dijadikan program tahunan falak Malaysia yang diselaraskan oleh JAKIM dengan kerjasama secara lebih meluas lagi bersama agensi-agensi berkaitan di peringkat Persekutuan dan negeri.

Hadirin dan hadirat yang dimuliakan,

14. Akhir kalam, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat khususnya negara anggota MABIMS, Jabatan Mufti Negeri-negeri, organisasi Apadilangit dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program Seminar Falak Nusantara 1443H dan program-program Bulan Falak Malaysia Tahun 2021M/ 1443H sepanjang bulan Muharam bermula 9 Ogos hingga 7 September 2021 bersamaan 1 hingga 29 Muharam 1443H.

15. Sekalung tahniah juga kepada pemenang dan peserta pertandingan Mini Olimpiad Falak dan Kuiz Tadabbur Ayat Falak. Semoga ia menjadi satu ibadah kepada kita dalam mencari keberkatan dan keredhaan Allah di dunia dan akhirat.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Webinar Falak Nusantara 1443H, sekaligus menutup program Bulan Falak Malaysia Tahun 2021 dan melancarkan laman web MyRHK (Malaysia Rukyah Hilal Kebangsaan).

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhi Wabarakatuh.

WEBINAR

Falak Nusantara 1443H

Merupakan
program puncak
sempena
sambutan Bulan
Falak Malaysia
2021

Penglibatan
penceramah
dan peserta
dari kalangan
negara
Nusantara

- Malaysia
- Indonesia
- Brunei Darussalam
- Singapura

PENYUSUNAN TAKWIM DAN FALAK

Malaysia,
JAKIM
meneliti
takwim Hijri
setiap tahun
Peringkat

Negeri,
dibawah
Jabatan Mufti
Negeri masing-
masing

OBJEKTIF

01

Meningkatkan kemahiran dan penguasaan masyarakat dalam ilmu falak;

02

Menyampaikan maklumat mengenai Kriteria Imkanur Rukyah Baharu; dan

03

Mengisyiharkan penggunaan Kriteria Imkanur Rukyah Baharu di Malaysia kepada seluruh Jabatan Mufti Negeri-Negeri dan negara ahli MABIMS.

**Penggunaan
Aplikasi (Falak)
JAKIM, Malaysia**

Mysolat,
MyRHK

Harapan

- Ilmu dan bidang ini akan mendapat perhatian yang sesuai dengan peranannya dalam sejarah ketamadunan Islam.
- Memartabatkan aktiviti falak secara lebih bersepada dan komprehensif.
- Bulan Falak Malaysia pada bulan Muharam akan dijadikan program falak tahunan di Malaysia

**PERSIDANGAN KETUA PEGAWAI PENGUATKUASA AGAMA
DAN KETUA PENDAKWA SYARIE SELURUH MALAYSIA
KALI KE-21**

Alhamdulillah segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana diberi peluang untuk sama-sama berada dalam Persidangan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia Kali ke- 21.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan mengalu-alukan penyertaan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie dari seluruh Malaysia dalam Persidangan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie kali ini.

1. Alhamdulillah, Persidangan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia telah memasuki tahun ke 21 penganjurannya. Saya yakin dan percaya telah banyak perkara serta perancangan berjaya dicapai hasil perbincangan dan kesepakatan yang dibina. Pelbagai aspek telah disentuh termasuk isu perjawatan di bahagian penguatkuasaan, penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri, pemerkasaan peranan Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie dan isu-isu berkaitan kesalahan jenayah Syariah. Saya ucapkan tahniah kepada Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS) yang telah penganjuran Persidangan pada kali ini bagi mencapai objektif seperti yang berikut:
 - i. Mengenengahkan isu-isu semasa berkaitan penguatkuasaan undang-undang dan pendakwaan;
 - ii. Menggalakkan percambahan fikiran dalam kalangan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie untuk mengenalpasti aspek yang boleh diperbaiki;
 - iii. Mengenalpasti cabaran dan halatuju penguatkuasaan undang-undang dan pendakwaan di Malaysia.
 - iv. Mencadangkan apa-apa pindaan hasil dari dapatan persidangan ini, sekiranya ada, kepada pihak Kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan untuk dilaksanakan.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, Islam menganjurkan umatnya agar mengajak melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Justeru, penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah adalah salah satu elemen penting untuk memastikan manusia terhindar daripada melakukan perkara yang ditegah oleh syariat Islam. Selaras dengan penggubalan undang-undang jenayah syariah, maka penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah juga perlu dimantapkan dan diperkasakan untuk membendung serta mencegah umat Islam daripada melakukan kesalahan jenayah bagi mencapai maqasid syariah iaitu penjagaan agama, harta, akal, jiwa dan juga keturunan. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah Ali Imran, Ayat 104;

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٠٤

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan orang yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang beruntung."

Sebarang kesalahan jenayah yang dilakukan perlu diadili berdasarkan peruntukan undang – undang dengan penuh keadilan. Firman Allah di dalam surah Al-Maidah ayat 8 :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قَوْمٰيْنِ لِلَّهِ شَهِدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجِرِّمُكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَا تَعْدِلُوا
أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَأَنْتُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ عِنْدَمَا تَعْمَلُونَ ٨

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati dan kasihi.

3. Jika dahulu, kebanyakan ajaran sesat bergerak secara sembunyi atau underground tetapi akhir-akhir ini kita dapat ajaran sesat telah disebarluaskan secara terbuka melalui pelbagai aplikasi media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan Youtube. Saya difahamkan pada persidangan kali ini, Bahagian Penyelidikan JAKIM akan membentang 2 kertas kajian termasuk isu ajaran Asmaul Husna dan juga ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir.
4. Sehubungan itu, saya amat berharap agar pihak Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie dapat bekerjasama dan memberi fokus bagi membendung kes-kes ajaran sesat di negara ini termasuk pihak yang menggunakan media sosial sebagai ruang untuk mengelirukan dan mempengaruhi masyarakat. Satu unit khusus perlu diwujudkan bagi memantau aktiviti – aktiviti yang menyalahi akidah melalui media baharu.
5. Saya mengharapkan agar kerjasama strategik dengan agensi lain seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (cawangan Khas) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multi Media (SKMM) terus diperkuatkuarkan bagi mendapatkan maklumat serta penyelarasan tindakan yang lebih cepat dan berkesan.
6. Saya juga mendoakan agar Persidangan pada kali ini berjalan lancar seperti pada tahun-tahun sebelumnya dan berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Tinggi harapan saya agar semua ahli persidangan berkongsi aspirasi yang sama iaitu memperkasa undang-undang Syariah agar dapat dimartabatkan sepenuhnya dengan izin Allah jua.

7. Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah selaku urusetia persidangan pada kali ini. Pandangan tuan-tuan dan puan-puan amat dialu-alukan bagi memperbaiki kualiti penganjuran Persidangan seumpama ini pada masa akan datang demi kebaikan bersama.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhi Wabarakatuh.

Persidangan Ketua Pegawai

Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwaan Syarie Seluruh Malaysia Kali ke- 21.



Harapan

Kerjasama Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwaan Syarie mengadakan kerjasama strategik Bersama agensi yang lain seperti PDRM, ATM (Cawangan Khas) dan SKMM bagi membentras masalah ini dikalangan masyarakat.

PERANAN PSIKOSPIRITUAL ISLAM DALAM KESIHATAN JIWA

1. Pandemik COVID-19 yang melanda dunia termasuk negara kita, telah memberi kesan yang sangat besar terutama dalam menguji kekuatan mental dan spiritual. Dalam situasi sebegini, ilmu Psikospiritual Islam sangat penting bagi membantu diri dan orang lain di sekeliling kita untuk sentiasa tenang dan rasional dalam melakukan sesuatu tidak kira dalam situasi apa sekalipun.
2. Psikospiritual Islam merupakan satu disiplin ilmu yang penting dalam meningkatkan kualiti diri manusia yang lebih sempurna serta merupakan salah satu jalan dalam mencapai kebahagian hidup di dunia dan akhirat. Ilmu yang menggabungkan psikologi dan spiritual ini merupakan satu ilmu yang mengkaji pemikiran tentang proses mental dan pemikiran yang lebih bersifat rohaniah dari sudut pandang Islam.
3. Ilmu ini juga menggabungkan idea tokoh-tokoh psikologi Islam yang mengintegrasikan dunia pengetahuan yang berkait dengan spiritual serta meletakkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas dan tunjang dalam setiap perbincangan. Sehubungan dengan itu, psikospiritual Islam mempunyai hubungan yang erat dengan soal kejiwaan, akhlak dan kebahagiaan diri manusia serta merupakan salah satu jalan penyelesaian terhadap masalah kejiwaan dan pemikiran manusia yang bersifat kerohanian dengan mengenal diri, penyembahan dan pengabdian diri kepada Allah SWT dan dalam pembentukan akhlak terpuji.
4. Dalam usaha menyelesaikan masalah kesihatan mental yang diakibatkan oleh krisis kejiwaan dan kekosongan spiritual manusia zaman ini, pendedahan dan kefahaman terhadap ilmu psikospiritual Islam dan latihan untuk peserta dilihat penting sebagai salah satu usaha melahirkan terapis psikospiritual Islam yang berilmu dan berwibawa. Latihan dan pendedahan ini penting bagi melahirkan golongan yang mampu membantu masyarakat untuk mengisi semula kekosongan spiritual dan keyakinan dengan memperbaiki hubungan dengan Pencipta secara umumnya dan masyarakat khususnya.

5. Menyedari permasalahan ini, maka program Webinar hari ini dianjurkan, dengan tujuan:
 - i- Memberi pendedahan berkenaan terapi psikospiritual Islam yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari kita; dan
 - ii- Menambah dan memantapkan ilmu pengetahuan berkaitan bidang Psikospiritual Islam bagi membantu masyarakat awam, sama ada kitasebagai terapis, kaunselor, pendidik, imam, pegawai rundingcara, rakan sebaya dan selaku ibu bapa.
6. Tahniah kepada pihak pengajur iaitu pihak:
 - JAKIM sendiri,
 - Pusat Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan
 - Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabahserta rakan strategik program hari ini iaitu :
 - Majlis Dakwah Negara Cawangan Sabah
 - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Sabah
 - Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional, UMS
 - KESUMBA MAJU SEHATI
 - Rakan Pembimbing Penjawat Awan (AKRAB)
7. Semoga program hari ini dapat dimanfaat oleh semua peserta sama ada yang bersiaran langsung melalui dalam talian ini atau secara *live streaming* dari siaran facebook yang dipaparkan. Saya berdoa agar program ini berjalan lancar sehingga akhir dan ilmu yang akan dikongsikan oleh panel pembentang hari ini dapat kita kutip dan memberi manfaat kepada kita.
8. Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM , saya merasmikan program WEBINAR PERANAN PSIKOSPIRITUAL ISLAM DALAM KESIHATAN JIWA pada hari ini.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhi Wabarakatuh.

WEBINAR

PERANAN PSIKOSPIRITUAL ISLAM DALAM KESIHATAN JIWA

Kesan Pandemik Covid-19 seluruh dunia

Menguji kekuatan mental dan spiritual manusia

Kepentingan ilmu Psikospiritual Islam

1

Ilmu yang penting dalam meningkatkan kualiti diri manusia



2

Ilmu yang mengabungkan psikologi dan spiritual



3

Ilmu yang mengkaji tentang proses mental dan penilaian rohaniah



4

Ilmu yang mengabungkan idea-idea tokoh psikologi Islam yang meletakkan al-Quran dan as-Sunnah sebagai asas perbincangan



5

Ilmu psikospiritual mempunyai gabungan yang erat dari soal kejiwaan, akhlak dan kebahagiaan diri.



OBJEKTIF

Memberi pendedahan terapi psikospiritual Islam untuk kehidupan harian

Menambah ilmu pengetahuan berkaitan bidang psikospiritual

Melahirkan pelapis pakar psikospiritual Islam yang berwibawa

Latihan serta pendedahan kepada golongan yang membantu masyarakat

Harapan

Ilmu psikospiritual dapat dikongsi oleh semua masyarakat.

KARNIVAL SEMARAK JAWI@JAKIM 2021

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana telah mengizinkan kita untuk mengadakan Karnival Semarak Jawi@JAKIM. Program ini merupakan kerjasama antara Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berusaha Puan Salasiah binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia kerana mempelawa JAKIM buat julung kalinya sebagai “rakan” kerjasama bagi menganjurkan karnival yang memuatkan pelbagai program kesedaran tulisan Jawi ini.
3. Saya difahamkan Karnival Semarak Jawi selama dua hari bermula 28-29 September 2021 ini merupakan program “signature” Perpustakaan Negara Malaysia semenjak tahun 2011. Sebelum musim pandemik ini ia telah diadakan secara fizikal di beberapa buah negeri seperti Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan, Perak, dan Johor. Walaupun kali ini ia dilaksanakan secara atas talian, saya fikir ia tidak akan menjelaskan matlamat utama program iaitu bagi menyemarakkan kesedaran dan penggunaan tulisan Jawi dalam masyarakat.
4. Semua aktiviti dan program yang dirangka sepanjang Karnival Semarak Jawi ini tidak lain adalah untuk mempopularkan semula penggunaan tulisan Jawi khususnya kepada generasi muda (yang kini dikenali sebagai generasi Z) yang dilihat sudah semakin jauh dengan tulisan Jawi.
5. Program-program adalah berkonsepkan informasi santai, sesuai dengan golongan sasaran iaitu generasi muda, serta tema karnival ini iaitu “Sensasi Jawi” .

Yang Berbahagia Dato'/Tuan-tuan/Puan-Puan

6. Tulisan Jawi telah mula bertapak seterusnya menjadi tulisan rasmi di negara kita selari dengan kedatangan Islam ke rantau ini. Namun, selepas kedatangan penjajah yang memperkenalkan tulisan rumi , penggunaan tulisan Jawi telah menjadi semakin terhad dan terpinggir.
7. Kesannya generasi muda bahkan umat Islam secara keseluruhannya bukan sahaja terpisah daripada kebudayaan Islam yakni tulisan Jawi itu sendiri, bahkan telah kehilangan makna-makna dan juga kefahaman yang Islami di sebalik setiap patah perkataan Jawi yang bersumber daripada bahasa Arab itu.

Dato'/Tuan-tuan/Puan

8. Tulisan Jawi masih digunakan di kebanyakan negara yang mempunyai ramai penduduk berbangsa rumpun Melayu. Contohnya di Brunei, kerajaan mereka telah mewajibkan penggunaan tulisan Jawi di papan tanda dan semua bentuk paparan umum di negara tersebut sejak 1988. Selain itu, tulisan Jawi juga dicetak pada wang kertas dan kad pengenalan mereka. Apa yang menariknya ialah mereka merujuk sistem ejaan Jawi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.
9. Di Malaysia kesedaran mengenai tulisan Jawi ini dilihat sudah semakin meningkat namun bagi saya masih boleh ditambah baik. Selain penggunaan tulisan Jawi dalam dokumen-dokumen rasmi Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, ada sesetengah negeri seperti Kedah, Terengganu, Kelantan dan Johor telah menggunakan tulisan Jawi pada papan-papan iklan dan nama jalan. Saya yakin inisiatif yang sama ini jika dicontohi lebih ramai pihak, maka martabat tulisan Jawi di negara ini pasti akan lebih terjaga dan dipandang tinggi.

10. Kita lihat negara-negara maju lain seperti Jepun, Korea dan China, mereka tidak segan silu malah berbangga dengan bahasa dan tulisan warisan tradisi mereka. Maka demikian juga kita berharap tulisan Jawi akan terus dipelihara dan diangkat oleh masyarakat khususnya generasi muda.
11. Di peringkat agensi YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Jakim secara khususnya kami mempunyai beberapa ketetapan yang telah diputuskan di peringkat pengurusan tertinggi berkaitan penulisan Jawi. Antaranya ialah penggunaan sekurang-kurangnya 30 % tulisan Jawi pada banner atau bunting dan sijil-sijil program. Selain itu kita juga telah memperkenalkan hari Jumaat sebagai hari tulisan Jawi. Pada peringkat awal ini semua kakitangan akan memakai tanda nama (nametag) tulisan Jawi pada setiap hari Jumaat dan perkara ini kami akan tambah baik sehari ke sehari insyaAllah.
12. Akhir kata, saya mengucapkan selamat menjayakan Karnival Semarak Jawi@JAKIM. Semoga setiap perancangan dan gerak kerja yang kita laksanakan ini dikira sebagai amal kebajikan di sisi Allah SWT.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya dengan sukacitanya merasmikan Karnival Semarak Jawi@JAKIM 2021 ini.
Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum WarahmatullAhi Wabarakatuh.

Program Karnival Semarak Jawi@JAKIM 2021

01

Program kerjasama antara Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia dengan Perpustakaan Negara Malaysia bagi menyokong penggunaan tulisan Jawi kepada masyarakat.

02

Aktiviti yang yang disediakan sesuai untuk semua peringkat umur dan bangsa

03

Program berkonsepkan informasi dan santai bertemakan “Sensasi Jawi”

04

Penggunaan Tulisan Jawi menjadi tulisan rasmi masyarakat Melayu sejak kedatangan Islam ke Nusantara pada abad ke- 14 masih.

05

Penggunaan tulisan Jawi digunakan oleh rumpun Melayu di seluruh Nusantara.

06

Di Malaysia penggunaan tulisan Jawi di dalam dokumen rasmi Jabatan Agama Islam. JAKIM menyemarakkan penggunaan tulisan Jawi sebanyak 30% di gegantung, kain rentang, sijil-sijil dan Hari Jumaat sebagai Hari Jawi.

**AMANAT KETUA PENGARAH MAJLIS PERHIMPUNAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA(JAKIM)**

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul lagi pada kali ini dalam Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM bagi bulan Oktober 2021. Terima kasih kepada semua warga JAKIM yang dapat menyertai acara ini secara fizikal mahupun secara maya. Saya kira, ini merupakan Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM yang terakhir buat diri saya.

**AL FATIHAH BUAT AHLI KELUARGA YANG KEMBALI KE
RAHMATULLAH**

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

2. Sebelum saya meneruskan ucapan, seperti biasa saya ingin menjemput semua untuk sama-sama kita membaca Ummul Kitab untuk dihadiahkan kepada ahli keluarga dan sanak saudara warga JAKIM yang telah kembali ke rahmatullah, khususnya dalam tempoh sebulan yang lalu. Al-Fatihah. Termasuk warga Jakim yang mendahului kita.

PEGAWAI YANG BERTUKAR DAN BERSARA

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

3. Sebentar tadi kita telah saksikan rangkuman informasi pergerakan pegawai JAKIM sama ada yang telah diberi pemangkuhan kenaikan pangkat, senarai pegawai yang bertukar keluar, bertukar masuk dan sebagainya. Syabas dan tahniah kita ucapkan buat mereka semua khususnya kepada Ustaz Aminuddin bin Mohamad yang telah diberi amanah sebagai

Pengarah Kanan ILIM dan Ustazah Norsafina binti Zainal yang telah diberi amanah sebagai Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan. Sama-sama kita mendoakan agar semua warga Jakim cemerlang di mana sahaja. Tahniah juga kepada Dato' Sirajuddin bin Suhaimee dan Dato' Selamat bin Paigo yang telah disahkan ke gred Jusa C pada 19 Disember 2020.

ANALISA PENCAPAIAN SEPANJANG MENJADI KP JAKIM

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

1. Seperti yang semua sedia maklum, bahawa saya akan mula bersara wajib pada 8 November depan. Dengan persaraan saya sebagai KP JAKIM, sudah pasti akan ada pengganti KP JAKIM yang baharu. Sekali lagi ingin saya maklumkan kepada semua, bahawa jawatan KP JAKIM adalah tertutup dan khusus buat Pegawai Hal Ehwal Islam, JAKIM. Saya yakin dan percaya, pihak *stakeholders* kita telah membuat pertimbangan yang terbaik khususnya dalam soal pelan penggantian kepimpinan JAKIM di semua peringkat. Kita doakan barisan kepimpinan JAKIM yang sedia ada ini akan dipilih menerajui JAKIM bersama seluruh warga JAKIM yang taat dan setia.
2. Suatu perkara yang sentiasa saya sebut dan nasihatkan buat semua warga JAKIM, siapapun yang dipilih dan diberi kepercayaan memimpin kita, tugas kita ialah mengelakkan semangat setiakawan, muafakat dan kerjasama. Tanpa semangat ini, sudah pasti tugas kita untuk melebarkan risalah di atas muka bumi ini pasti akan menjadi sulit dan sukar.

Saudara dan Saudari Sekalian,

3. Syukur alhamdulillah, sepanjang lebih kurang 35 tahun 5 bulan saya sebagai penjawat awam di negara yang tercinta ini begitu besar ertiaya buat diri saya. Bermula sebagai Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1986, pernah dipinjamkan sebagai Pegawai Agama, Kedutaan Besar Malaysia, Tokyo, Jepun pada tahun 1997, dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan Jakim (2005-2009), Ketua Penolong Pengarah (Agama), Bahagian Agama dan Kaunseling, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman (2008- 2009), ditugaskan sebagai Atase Agama, Bahagian Agama, Kedutaan Besar Malaysia, Jakarta, Indonesia (2009- 2013). Kemudian saya diberi amanah sebagai Pengarah Jakim Cawangan Sarawak (2013-2017), Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) (2017-2018), kemudian dipinjamkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (2018- 2020), kembali semula ke Ibu Pejabat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) pada 1 April 2020 – 14 Januari 2021, sebelum dilantik sebagai KP bermula 15 Januari 2021.
4. Saya sebutkan semua ini kerana sepanjang saya menjawat jawatan sebagai pegawai kerajaan, tidak pernah terfikir pun bahawa saya pada suatu hari nanti akan bersara sebagai Ketua Pengarah JAKIM. Namun, inilah yang dikatakan takdir, bahawa kita sebagai hamba hanya perlu melaksanakan apa yang dipertanggungjawabkan kepada kita dengan seikhlas dan sepenuh hati, selebihnya kita berserah dan bergantung kepada ketentuan Ilahi. Terima kasih tidak terhingga kepada pihak kerajaan kerana telah banyak jasa dan sumbangan kepada saya selama ini dan saya bersyukur kepada Allah SWT yang telah banyak mengurniakan limpah rahmatNya buat diri saya.

5. Dalam setiap penempatan ini, saya akur kepada arahan ketua/ Ketua Pengarah;
 - i. Tidak pernah berkata tidak kepada arahan ketua
 - ii. Menjaga nama baik ketua dan jangan sandar kekurangan kita sebagai kelemahan ketua
 - iii. Jangan perkecil pegawai lain kepada ketua
 - iv. Jangan ketua lihat – masalah di pejabat ini berpunca daripada kita
6. Dalam tempoh tidak sampai setahun saya menjadi KP JAKIM, saya telah cuba sedaya upaya bersama pasukan JAKIM untuk melaksanakan sesuatu yang terbaik buat agama, bangsa dan negara. Tugas mentadbir dan mengurus agensi agama yang berprestij seperti JAKIM bukanlah sesuatu yang mudah. Banyak serpihan kaca dan sarang labah-labah di depan . Benarlah kata-kata yang sering kita dengar, bahawa amanah memimpin bukanlah sesuatu yang boleh diimpikan apatah lagi mahu dibangga-banggakan. Ini kerana pada setiap saat dan detik, tidak kira masa dan waktu, di pejabat, dalam kenderaan, hatta ketika hari cuti bersama keluarga sekalipun, jiwa dan roh kita seolah-olah diabadikan terhadap tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan buat diri kita.
7. Menerima jawatan Ketua Pengarah JAKIM dalam tempoh negara sedang berperang besar melawan pandemik COVID-19 merupakan sebuah pengalaman yang sukar dalam hidup saya apatah lagi semasa saya baru menjalani pembedahan kaki dan dinasihatkan bertongkat lagi. Namun, berkat kerjasama pasukan pengurusan yang mantap, dengan pimpinan YB Menteri dan YB Timbalan Menteri yang jelas visi dan misi, didokong oleh jentera pelaksana yang ikhlas dan setia, akhirnya saya mampu mengemudi bahtera besar bernama JAKIM dalam tempoh masa yang ditetapkan. Saya sedar, saya bukanlah nakhoda yang terbaik dan sempurna dalam melayarkan bahtera besar seperti JAKIM ini. Namun saya berbangga kerana mempunyai pasukan panglima yang cekap dan bijaksana dengan dokongan tentera

yang taat dan setia telah bertungkus lumus memastikan visi, misi dan fungsi JAKIM dapat dipandu dengan sebaik mungkin. Alhamdulillah, dengan berkat muafakat dan kerjasama semua, agenda perancangan sepanjang tempoh saya memimpin JAKIM dapat kita kecapi bersama. Walaupun bukanlah semua yang kita rancang dapat dicapai dengan sempurna 100 peratus, namun setakat ini kita boleh berbangga dengan usaha yang dibuat dan saya yakin akan diteruskan oleh generasi akan datang.

8. Antara pencapaian yang dekat dengan hati saya sepanjang menjadi KP ini ialah;
 - i. Pelaksanaan Program Musaadah Covid-19 JAKIM - Yayasan Waqaf Malaysia
 - ii. Penubuhan Pasukan MyCareCov19 JAKIM
 - iii. Pelancaran Pelan Anti Rasuah Organisasi JAKIM 2021-2025
 - iv. Menjernihkan salah laku pegawai
9. Keutamaan saya yang terhad pada waktu ini adalah;
 - i. Peraturan pengurusan dan kesempurnaan tugas
 - ii. Bina jati diri professional dan protokol pegawai .

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

10. Sepanjang lebih 35 tahun 5 bulan menjadi Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM, saya menzahirkan rasa bangga kerana ia merupakan sebahagian dari lipatan sejarah dalam sejarah kehidupan saya. Dengan sebab amanah yang dipertanggungjawabkan inilah saya mampu membina nilai-nilai positif dalam kehidupan diri saya sendiri. Justeru, saya mengambil kesempatan ini ingin berpesan kepada tuan/puan semua, bahawa apa sahaja peluang yang kita perolehi, maka bersyukurlah sebaiknya. Ini kerana seperti mana pesanan Allah SWT bahawa sesuatu yang kita rasakan ianya baik buat diri kita, mungkin ia tidak baik di sisi Allah SWT. Mungkin sesuatu yang kita rasa tidak baik buat kita, namun ianya baik di sisi Allah SWT. Justeru, kita harus percaya bahawa apa yang ditakdirkan buat kita oleh Allah SWT, semuanya ada kebaikkannya. Hanyasanya diri kita sebagai

hambaNya yang lemah tidak mampu untuk menta'akul sesuatu yang telah ditakdirkan buat kita.


11. Hargailah keberadaan tuan/puan selama bertugas di JAKIM. Inilah antara agensi yang secara khusus menjalankan usaha ke arah memartabatkan Islam dan ummatnya di negara yang tercinta ini. Justeru, saya berpesan kepada anda semua 3 perkara:
 - i. Kekalkan dan suburkan semangat setiakawan, permuafakatan dan kesalingan antara warga;
 - ii. Bekerjalah dengan ikhlas dan sepenuh hati demi nama JAKIM sebuah agensi yang menjaga dan memartabatkan Islam; dan
 - iii. Anggaplah bahawa keberadaan kita di JAKIM ini sebagai sebahagian dari usaha dakwah yang diwariskan oleh Nabi SAW sebagai amanah kita bersama.
12. Saya ingin berpesan kepada rakan-rakan semua khususnya yang masih muda dalam perkhidmatan, berusahahalah pada setiap masa untuk bersaing secara sihat dalam meningkatkan keupayaan kompetensi yang sesuai dengan jawatan yang kita sandang. Sentiasalah belajar dengan cepat dan pantas agar kita mendapat keyakinan dan kepercayaan dalam melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab yang diharapkan oleh pelanggan dan *stakeholders*. Saya menaruh keyakinan tinggi khususnya buat Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan ILIM bahawa tugas menyusun perancangan dalam memastikan pemilihan dan perlantikan, penempatan, latihan dan pembangunan, pengurusan prestasi, kenaikan pangkat, laluan kerjaya serta perancangan penggantian kepimpinan PHEI JAKIM adalah suatu wasiat yang perlu diberi perhatian serius.

13. Saya juga mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, tahniah dan terima kasih kepada semua Bahagian yang telah berjaya melaksana program-program yang dirancang dengan jayanya sepanjang tahun ini. Prestasi pengurusan kewangan JAKIM juga alhamdulillah setakat ini berada di landasan yang baik. Kita mendoakan sebelum akhir tahun ini, semua yang kita rancang bersama akan dapat disempurnakan dengan jayanya.
14. Mengakhiri ucapan, oleh kerana bimbang kemungkinan tiada ruang rasmi sebegini untuk bertemu lagi selepas ini, saya ingin menyusun sepuluh jari memohon kemaafan buat semua warga JAKIM yang jauh mahupun yang dekat, andai kata ada salah silap dan saya pasti sebagai manusia biasa saya tidak dapat lari dari salah dan silap sama ada disengaja atau tidak disengajakan, maafkanlah saya dan saya juga telah maafkan anda semua. Antara doa saya selalu sebut selepas solat lima waktu ialah ampunkan ketua saya dan ampuni pegawai-pegawai dan kakitangan saya. Semoga kita bertemu lagi nanti dalam keadaan lapang dari salah dan silap sesama kita.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum
WarahmatullAhi Wabarakatuh.

Amanat Terakhir

YBhg. Datuk KP Majlis Perhimpunan Bulanan JAKIM



Keupayaan

dan kerjasama berpasukan

1 Menerima jawatan sebagai Ketua Pengarah Jakim dalam tempoh negara menghadapi Pandemic Covid 19

2 Kerjasama pasukan pengurusan Jakim membantu bagi melaksanakan visi dan misi yang disokong oleh semua kakitangan JAKIM



KEUTAMAAN

01

Peraturan pengurusan dan kesempurnaan tugas

02

Bina jati diri professional dan protokol pegawai yang betul

35 tahun dalam perkhidmatan



Nasihat

Sahabat yang masih
baharu dalam
perkhidmatan

Berusaha
setiap masa

Mengharapkan BDKI
JAKIM, menyusun
perancangan
memastikan
pegawai dan
kakitangan Jakim
berpeluang untuk
kemajuan kerjaya.



Bersaing secara
sihat dalam
meningkatkan
keupayaan
kompetensi

Cepat dan pantas
belajar supaya
mendapat
kepercayaan dalam
pelaksanaan tugas
oleh pelanggan
dan *stake holders*

MANHAJ RABBANI, UMMAH BERKUALITI
(Disiarkan di akhbar Utusan Malaysia, 9 Ogos 2021)

Oleh:

Datuk Abdul Aziz bin Jusoh

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Kehidupan manusia di muka bumi ini jika dilihat daripada segi sunnatullah dan kelangsungannya sentiasa mengalami perubahan. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 54 melalui firman-Nya yang bermaksud: "Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Dia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya dan Dialah jua yang Maha Mengetahui lagi Maha Berkuala". Firman Allah ini merupakan suatu peringatan agar manusia sentiasa menyedari bahawa perubahan keadaan fizikal diri masing-masing adalah merupakan suatu hakikat yang harus diterima tanpa sebarang bantahan dan pertikaian.

Perubahan diri manusia bukan dilihat daripada aspek fizikal semata-mata, namun apa yang turut penting untuk dilihat adalah perubahan sikap dan anjakan paradigma manusia itu sendiri. Oleh yang demikian, Islam menganjurkan anjakan diri daripada tidak baik kepada baik dan daripada baik kepada yang lebih baik. Keadaan ini merupakan salah satu daripada manifestasi konsep hijrah yang wajar dihayati dalam diri setiap umat Islam.

Justeru, Kerajaan telah memperkenalkan tema Ma'al Hijrah 1443H / 2021M pada tahun ini iaitu Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti yang merupakan sebuah tema yang sangat signifikan kepada umat Islam di negara ini. Walaupun kita masih berdepan dengan kemelut pandemik COVID-19 sejak lebih setahun lalu, tema ini bagaikan suatu motivasi kepada ummah untuk sentiasa berjiwa besar dalam mendepani apa jua keadaan dan situasi sukar.

Rabbani bukan sahaja bermaksud sesuatu yang berkait dengan nilai ketuhanan, namun ia membawa pengertian yang lebih luas meliputi pelbagai aspek kehidupan. Setiap amalan insan dalam kerangka konsep Rabbani bermaksud sebarang perbuatan atau pertimbangan seseorang individu dengan menjadikan Allah SWT sebagai pedoman dan sumber petunjuk utama di dalam kehidupan sehari-hari. Manhaj Rabbani membawa maksud bagaimana cara atau jalan untuk menjadikan ummah meletakkan Allah SWT sebagai keutamaan dan panduan dalam segala amalan, perbuatan dan matlamat hidup serta diniatkan semata-mata kerana-Nya.

Dasar Manhaj Rabbani yang diperkenalkan Kerajaan berpaksikan kepada tiga ciri utama iaitu Thaqafah (keilmuan), Ruuhaniyyah (kerohanian) dan Dakwah (aktivisme). Usaha pengenalan kepada dasar ini merupakan inisiatif untuk meletakkan tadbir urus negara berdasarkan kepada Maqasid Syariah bagi membawa hala tuju bersama dalam memacu pentadbiran Islam di negara ini. Teras kepada dasar ini jelas bertujuan bagi mencapai objektif untuk melahirkan insan, organisasi dan negara Rabbani berdasarkan kepada tujuh (7) prinsip utama iaitu 'Rahmat', 'Aman', 'Bertuhan', 'Bakti', 'Adil', 'Nu-rani' dan 'Insani'.

Tujuh prinsip ini telah diterjemahkan mengikut tujuh bidang keutamaan yang ada di bawah bidang pengukuran i-MaqSD. I-MaqSD yang merupakan integrasi Maqasid Syariah dengan Sustainable Development Goals (SDGs) adalah inisiatif dan inovasi baharu tadbir urus yang telah dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merangkumi Perundangan dan Kehakiman Syariah; Pendidikan dan Pembangunan Insan; Sosio Ekonomi Ummah; Dakwah dan Media; Institusi Masjid; Kepimpinan dan Tadbir Urus serta Penyelidikan dan Kefatwaan.

Maqasid Syariah adalah satu disiplin ilmu yang dikembangkan oleh para ulama untuk kita memahami tujuan suatu pensyariatan itu diturunkan. Namun, pada masa kini ia bukan lagi satu disiplin ilmu yang khusus bagi ahli usul fiqh, bahkan ia turut didedahkan kepada masyarakat awam agar dapat difahami dan dihayati sebagai panduan dalam melaksanakan sesuatu perbuatan berteraskan syarak. Apabila dikaitkan dengan pentadbiran dan tadbir urus Islam, Maqasid Syariah merupakan satu sistem nilai dan standard amalan yang mempunyai peranan luas dalam sistem pembangunan sesebuah negara dan pembangunan modal insan.

Ummah yang meletakkan ciri Rabbani sebagai keutamaan dalam cara hidup sudah semestinya dapat menjalani kehidupan yang berkualiti. Al-Quran dan hadis sentiasa dijadikan rujukan utama dalam kehidupan di dunia bagi menjamin kejayaan hakiki di akhirat. Malahan jika dikaji dari sudut sejarah, tamadun Islam tidak bertitik-tolak atau bermula seperti tamadun lain iaitu menjadikan kawasan sungai yang berdekatan sebagai asas kehidupan material. Sebaliknya, pencetus kemunculan tamadun Islam adalah berasaskan kewajiban agama dengan menuntut ilmu.

Masyarakat berminda kelas pertama merujuk kepada masyarakat yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan mampu menghayati dan menghargai sejarah negara, budaya, bangsa dan agamanya. Asas kepada usaha memupuk minda kelas pertama adalah berteraskan keupayaan meningkatkan ilmu pengetahuan seterusnya menggerakkan kreativiti dan inovasi mereka.

Kita tidak hanya semata-mata memandang pembangunan fizikal sebagai ukuran kemajuan sesebuah masyarakat, tetapi ia harus juga disertai dengan kekayaan mentaliti. Selain itu, kekayaan moral turut mustahak meliputi aspek akhlak mulia, nilai murni, budi bahasa, integriti, beretika dan beriltizam tinggi. Kesemua ini memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat yang berkualiti dan seimbang antara jasmani, emosi, rohani dan intelektual serta berupaya untuk menghadapi rintangan tanpa berkeluh-kesah kerana yakin bahawa segala yang berlaku termasuklah ujian wabak pandemik COVID-19 yang kita hadapi kini adalah qada' dan qadar daripada Allah yang mengandungi seribu satu hikmah tersembunyi.

Umat Islam harus bangkit dan berupaya menjadi umat yang dihormati dan disegani di seluruh dunia. Sehubungan itu, kisah-kisah kejayaan (success stories) atau inovasi yang dihasilkan oleh umat Islam dalam pelbagai bidang seperti keagamaan, sains perubatan, sains dan teknologi, kejuruteraan, pembangunan insan dan lain-lain wajarlah diketengahkan. Oleh yang demikian, untuk melahirkan keluarga, masyarakat dan ummah yang berkualiti iaitu ummah hebat dalam melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini, maka ia memerlukan kepada penghayatan setiap individu yang berprinsipkan Manhaj Rabbani.

Tema Ma'al Hijrah 1443H / 2021M pada tahun ini iaitu Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti yang merupakan sebuah tema yang sangat signifikan kepada umat Islam di negara ini

Perubahan diri manusia tidak hanya dilihat dari aspek fizikal, perubahan sikap dan anjakan paradigma itu sendiri jauh lebih bermakna.

Keadaan ini merupakan salah satu daripada manifestasi konsep hijrah yang wajar dihayati dalam diri setiap umat Islam.

Tema Ma'al Hijrah 1443H / 2021M pada tahun ini iaitu Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti yang merupakan sebuah tema yang sangat signifikan kepada umat Islam di negara ini

Perubahan diri manusia tidak hanya dilihat dari aspek fizikal, perubahan sikap dan anjakan paradigma itu sendiri jauh lebih bermakna.

Keadaan ini merupakan salah satu daripada manifestasi konsep hijrah yang wajar dihayati dalam diri setiap umat Islam.

Tema Ma'al Hijrah 1443H / 2021M pada tahun ini iaitu Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti yang merupakan sebuah tema yang sangat signifikan kepada umat Islam di negara ini. Perubahan diri manusia tidak hanya dilihat dari aspek fizikal, perubahan sikap dan anjakan paradigma itu sendiri jauh lebih bermakna. Keadaan ini merupakan salah satu daripada manifestasi konsep hijrah yang wajar dihayati dalam diri setiap umat Islam.

BERI KEPERCAYAAN KEPADA AUTORITI

Meredakan kecelaruan



Bersama
Datuk Abdul
Aziz Jusoh



PANDEMIK Covid-19 pasti akan berlaku pergi sama ada cepar atau lambat.

Jika kita masih membiarkan diri kita dikelirukan oleh sumber maklumat yang tidak berautoriti, pastinya virus keceliruan akan terus berlaku.

udah lebih setahun kita berhadapan dengan situasi pandemik ini. Dalam tempoh ini, masing-masing kita bersama kebiasaan serta peraturan masing-masing pastinya lemah, lama berbanding sebelum ini. Dari sudut positifnya semua orang kini sudah mempunyai akses kepada maklumat baharu harian setiap saat. Setiap individu tidak lagi perlu mencari perkembangan semasa dan mempunyai ruang hasil untuk menyatakan pandangan terhadap sesuatu itu yang timbul. Semakin banyak yang kita ketahui maka semakin banyak pula perkara yang ingin kita bantah dan perdebat.

Kami melihat situasi sebenar sudah menyumbang sedikit sebanyak kepada pelbagai kekeliruan dan kecelaruan. Di media sosial khususnya kita lihat ramai sekali warganet (netizen) yang mengatakan mereka tahu segalanya yang berterusan dengan perkara yang telah dipentaskan pihak berkuasa.

Contohnya di musim pandemik ini, topik hangat yang sering disebut dan menjadi perbincangan adalah berkenaan dengan keselamatan dan keputusan kerajaan atas pihak berkuasa agama antaranya seperti hukum suntikan vaksin, garis panduan atau prosedur operasi standar (SOP) pengoperasian masjid atau apa-apa ketepatan berkaitan aktiviti keagamaan yang lain.

Ketepatan pemerintah 'mengangkat khilaf'

Perbelanjaan biasanya berlaku disebabkan perbezaan pendapat. Semasa berlakunya perbelanjaan pada hari ini di disebabkan oleh beberapa faktor sama ada perbezaan sudut pandangan sesuita maklumat ataupun perbezaan kemampuan atau perbedaan maklumat dalam menilai latar belakang sesuatu permasalahan tertentu.

Menurut Dr Yusuf al-Qardhawi, dengan hadis Nabi SAW: "Perbezaan pendapat dalam kalangan umat adalah rahmat tuhan yang menjelaskan keharusan berbeza pendapat namun harus diambil berat juga apakah peristiwa tersebut pendapat yang dianggap benar itu. Adakah seorang yang perbezaan pendapat adalah baik?"

Menurut Dr Yusuf al-Qardhawi di dalam bukunya *Fiqh al-Dawlah fi al-Islam* menyatakan bahawa perbezaan pendapat yang

meneroka rahsia lahir perbelanjaan yang berlakukannya kepada ilmu pengetahuan dan kemahiran seperlimentan yang berlaku dalam kalangan sahabat. Perbezaan pandangan dalam kalangan mereka memberi ruang kepada teman slams untuk menggalakkan agama secara luas dan membantu mereka untuk dinamakan sebagai perselisihan yang terpuji (mahtum).

Adapun perbezaan yang tidak berlakukannya kepada ilmu pengetahuan adalah perbezaan pendapat yang tercipta yang boleh meruncitkan keberadaan dan kelebihan seseorang yang diletakkan dalam Nabi SAW: "Janganlah kamu bersifat faham, sesungguhnya umat sebelum kamu telah bersifat faham dan telah mengalami keharusan". (Muttaqun Alaih). Inilah yang dikehendaki sebagai perlembahan yang kerjakan (mahtum).

Dalam iku berkaitan dasar dan sentiasa yang dibuat pihak berkuasa ini, salah satu kaedah faham menyatakan: "kepentingan pemerintah itu mengangkat akhlak dan karakter rakyat". Kami sedar bahawa kaedah ini bukan tidak sekali kali menjawab setiap perbelanjaan dan ketepatan yang dibuat pihak pemerintah ini sentiasa berasa. Akan tetapi bagi kami ia adalah pernyelesaian paling selamat dan menghampiri abstrakan apabila timbulnya bermacam peritiakan berdasarkan kemaslahatan awam.

Sekarang kurniahan setiap kepentingan yang dibuat telah merujuk kepada mereka yang berkebaikan dalam bidang yang berkaitan. Dalam konteks SOP, kepentingan setiap perbelanjaan dan merujuk kepada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia



AL-HAQ
Selalu mengingat segalanya
"Adakah kamu takut falan
maka kamu bersifat faham
kalau kamu mengetahui
sebagaimana kamu mengadap
kalau kamu mengetahui
seperti kita itu, dan Allah
menaunkan kamu bentara
kamu tidak bermampu, maka
dikatakan kamu bersifat
berkandungan zaka
(sebagaimana yang
sepatutnya) dan berlakukannya
kamu kepada Akhlak dan
Rasmiyah. Dan Ingatlah,
Adalah Allah Yang Maha
Pengertiannya akan segala
azam yang kamu lakukan."
(Surah al-Mu'adzabin,
ayat 10)

(KKM) dan juga istabah samarah para mutu (pandangan hukum dan fatwa) yang merupakan autenti fatwa tertinggi di setiap negeri. Oleh itu kami fikir biarlah pertanggungjawabuan ini dileraikan kepada mereka yang diberikan amanah dan tanggungjawab itu saja.

Sekiranya semestinya buleh menghormati dan beresyuruh dengan kaedah dan pendekatan ini, maka kesan buruk daripada perbezaan pendapat seperti sumpah-mengampat, suka mencari-cari kesalahuan orang lain, basar, fitnah atau pemutihan karakter boleh dielakkan.

Mengalau-alukan pandangan semua pihak

Kami ingin menerangkan betapa pentingnya setiap individu merujuk sumber yang berautentik dalam setiap bidang. Dalam

konteks ini, kui berkaikan ujian tadfir hal ehwal Islam secara umum atau Jakim secara khusus hendaklah dirujuk kepada kenyataan yang diherlkur Jakim sendiri atau mana-mana pihak berkisar agama negeri yang berkaitan. Demen cari ini kita boleh memastikan kesahihan maklumat yang beredar di dunia maya sekiranya berdaripada sumber sah dan kekeliruan yang berleluasa dalam masyarakat.

Pada masa sama pihak kerajaan ataupun laksam secara khusus pastinya akan mengeluarkan sebarang pandangan daripada mana-mana pihak termasuk orang agama. Atas maklud itu kami solat dan berdoa agar ia berinteraksi secara lingkung dalam platform media sosial rakyat Jakim, orang awam boleh menyuarahkan sebarang aduan, perkongsian pandangan atau ingin mendapatkan pencerahan dan seumpamanya merluah laman web kami saitu www.islam.gov.my/en/aduan-makhlumat.

Pandemik Covid-19 ini pasti akan berlaku pergi sama ada cepat atau lambat. Proses vakxinasi yang kini lagi dilajukan memberi harapan bahawa hidup kita akan kembali normal seperti sebelum ini.


Sementara teknologi digital akan terus berlombong pesat. Jika kita masih membiarkan diri kita dikelirukan oleh sumber maklumat yang tidak berautentik, pastinya virus keceliruan akan terus berleluasa sehingga akhirnya merosot pandemik berikutnya yang akan mengakibatkan kekalutan, keracunan dan pertengkaran yang jauh lebih memadaratkan.

**Pemimpin Ketua Pengarah,
Jabatan Kemajuan Islam
Malaysia (Jakim)**

PLEKS
AM
AYA



e ISBN 978-983-042-673-0



9 7 8 9 8 3 0 4 2 6 7 3 0

KALAM HIKMAH